

**PERKESO bayar RM1.2j**

MERLIMAU: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Melaka membayar **faedah lebih RM1.2 juta** kepada 3,923 pencarumnya yang mengalami kemalangan di tempat kerja melalui pelbagai skim pertubuhan itu sepanjang tahun lalu. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan, berkata jumlah pembayaran faedah itu meningkat berbanding lebih RM11.31 juta pada 2009. "Pada tahun lalu juga seramai 24,840 majikan berdaftar di Melaka dan daripada jumlah itu hanya 10,530 majikan aktif membayar caruman. "Oleh itu, saya ingatkan supaya majikan segera daftar dan carum kepada PERKESO kerana kita sudah mulakan Ops Kesan PERKESO 2011 mulai bulan lalu dan esok (hari ini) adalah hari terakhir diberikan kepada majikan yang berdegil sebelum kita mulakan penguatkuasaan yang lebih tegas," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Cek Faedah dan Alat Pemulihan PERKESO di Dewan Haji Ahmad Ithnin di sini, kelmarin.

Pada majlis yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO, K Selvarajah, Maznah menyampaikan faedah PERKESO berjumlah RM89,595.20 kepada 20 penerima dan bantuan peralatan bernilai lebih RM71,000 kepada 10 orang. Beliau berkata, melalui operasi itu majikan yang didapati tidak mendaftar atau mencarum kepada PERKESO akan dikenakan kompaun RM500 dan diarah supaya mencarum. Katanya, sekiranya gagal berbuat demikian, majikan boleh didakwa di mahkamah dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya. Lebih 200 majikan di Melaka didakwa di mahkamah pada tahun lalu dan pada tempoh yang sama seramai 386,817 pekerja didaftarkan sekali gus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding 2009 iaitu 380,357 pekerja dan seramai 364,832 pekerja pada 2008. Beliau juga memuji usaha PERKESO yang dapat menjelaskan bayaran faedah dalam masa kira-kira tiga hari selepas borang tuntutan yang lengkap diserahkan berbanding masa dua minggu yang ditetapkan kerajaan. Maznah turut memuji usaha PERKESO menyediakan alat bantuan dan pemulihan yang canggih dan terbaru untuk pencarum mereka yang ditimpah kemalangan.

**Kontraktor buat kerja 'cincai', kerajaan terima padah**

KETIKA memandu ke tempat bertugas setiap hari, saya perlu melalui sebatang jalan raya yang mutu pembinaannya tidak begitu elok keadaannya. Meskipun baru siap sekitar dua tahun lalu, jalan raya itu dari mata kasar adalah tidak begitu memuaskan kualiti pembinaannya. Saya kadangkala hairan bagaimana jalan raya yang baru dibina itu berkeadaan demikian. Malah, tidak berapa lama selepas digunakan sekitar dua tahun lalu, jalan raya itu digali dan diturap semula berkali-kali. Bukankah ini menandakan ada sesuatu yang tidak kena dengan jalan raya penting itu? Masalah kontraktor membuat kerja cincai dan tidak mengikut spesifikasi bukan baru. Sudah kerap isu ini dibangkitkan, tetapi kelihatannya kontraktor bagi tidak mengendahkan teguran kerajaan. Pihak kontraktor masih lagi mengulangi kesilapan dan kelemahan yang pernah dibangkitkan kerajaan. Mereka bagi tidak faham kesannya terhadap kerajaan. Terbaru dikatakan Timbalan Menteri Pelajaran kecewa berikutan kegagalan dua kontraktor Sarawak yang gagal menyiapkan bangunan kelas kabin mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan.

**Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi**, berkata sebelum ini kementerian melantik 10 kontraktor untuk melaksanakan 32 blok kabin di Subis dan Baram, namun hanya enam berjaya disiapkan. Lebih 80 peratus projek bangunan kabin di Sarawak gagal disiapkan selain pembinaan yang dilengah-lengahkan dan ditinggalkan begitu saja. Memang wajar beliau atau sesiapa saja kecewa dan marah dengan sikap negatif kontraktor yang diberi amanah untuk menyiapkan projek terbabit. Bagi projek berkenaan, ada kabin yang sistem perparitan, tangga tidak mengikut aspek keselamatan, malah bahan digunakan tidak seperti ditetapkan. Beliau sepatutnya merasmikan satu daripada kabin terbabit, tetapi akhirnya dikatakan menolak dan enggan meneruskan perasmian kerana kecewa dengan struktur dan standardnya. Isu sesuatu projek tidak siap atau tidak siap mengikut tempoh ditetapkan sering menjadi rungutan. Kalaupun siap, kualitinya tidak mengikut piawai yang ditetapkan. Kontraktor terbabit seolah-olah tidak mempedulikan amanah dan tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu mereka.

Sikap sedemikian bukan saja menyebabkan kerugian di pihak kerajaan, tetapi juga golongan sasar yang seharusnya mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek itu. Malah, imej dan reputasi kerajaan turut tercalar gara-gara sikap negatif segelintir kontraktor terbabit. Kerajaan dipandang negatif oleh rakyat kerana kegagalan kontraktor menyiapkan projek mengikut piawai ditetapkan. Malah, kerajaan sering menjadi mangsa walhal kerajaan sudah mengambil segala langkah untuk memastikan perkara sebegitu tidak berlaku. Menjelang pilihan raya isu terbabit dieksplotasi pihak pembangkang dan ini sedikit banyak boleh mendatangkan kesan dari segi jumlah undi diperoleh. Sepatutnya, kontraktor tidak hanya mengutamakan keuntungan semata-mata. Apabila diberi amanah untuk menyiapkan sesuatu projek, mereka perlu bersikap serius dan bertanggungjawab. Kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh ditetapkan atau mengikut spesifikasi tertentu menyebabkan kualitinya diragui. Banyak punca wujudnya projek sakit atau terbengkalai termasuk seperti sikap kontraktor, masalah tanah, bekalan, kos dan sebagainya.

Malah, bukan menghairankan ada kontraktor yang menjual projek kerana hendak mengaut keuntungan atas angin. Kontraktor asal mengupah syarikat lain untuk menyiapkan projek yang diberikan. Akibatnya, kontraktor berkenaan yang sudah menjangka margin untung yang rendah, cuba pelbagai cara untuk mengurangkan kos, termasuk menggunakan bahan bermutu lebih rendah. Disebabkan mahu memastikan rakyat tidak terus menunggu lama untuk menikmati faedah daripada projek terbabit, kadang kala kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik dengan menyalurkan peruntukan tambahan. Antara langkah diambil adalah melantik syarikat kontraktor baru bagi menggantikan syarikat lama yang gagal menyiapkan projek berkenaan. Jika kontraktor asal mempunyai sikap amanah dan tidak terlalu tamak, sudah pasti kejadian seumpama ini tidak akan terjadi.

\* Penulis ialah pensyarah kanan di Universiti Malaysia Sarawak.

Rabu, 2 Mac, 2011

**LHDN sasaran kutipan RM91 bilion**

KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyasarkan jumlah kutipan cukai tahun ini meningkat sebanyak **RM5 bilion kepada RM91 bilion**, berbanding RM86 bilion pada tahun lalu. Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Mohd Shukor Mahfar, berkata sasaran itu berdasarkan ketetapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2011, Oktober tahun lalu. "Sasaran peningkatan itu juga atas faktor ekonomi semasa yang kini meningkat dan pelan ekonomi yang stabil," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian ulang tahun ke-15 LHDN Malaysia di sini, semalam. Ia dirasmikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Husin. Hadir sama Ketua Akauntan Negara, Wan Selamat Wan Sulaiman. Pada majlis itu, LHDN turut melancarkan proses penjenamaan semula organisasinya membabitkan penukar bendera, ikrar, lagu korporat dan pakaian seragam pegawai serta kakitangan sokongannya. Mohd Shukor berkata, sumbangan jumlah kutipan cukai itu terbahagi kepada dua segmen iaitu individu sebanyak 20 peratus dan syarikat korporat 80 peratus. Beliau turut mensasarkan 2.2 juta pembayar cukai menggunakan e-filing tahun ini, berdasarkan peningkatan 30 peratus jumlah pekerja.

Rabu, 2 Mac, 2011

**Memantapkan MOF sebagai peneraju kewangan negara**

PERIBAHASA Melayu menyebut 'masa itu emas'. Masa adalah sesuatu yang tidak ternilai dan tidak boleh dijual beli. Ia pasti datang dan akan berlaku. Begitu juga dengan pengurusan pentadbiran negara kita. Tahun ini masuk tahun ketiga pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama barisan Kabinetnya. Sesungguhnya, harapan yang tinggi diletakkan ke atas bahu kerajaan dalam semua aspek kehidupan kerana rakyat mahukan hasil dan perubahan dilakukan dalam tempoh masa yang singkat. Pada awal pentadbiran Najib, ekonomi negara dalam keadaan tidak stabil, Namun, berkat kegigihan dan pelbagai langkah bijak termasuk pakej rangsangan ekonomi yang dilakukan kerajaan, Malaysia berjaya mengharungi tempoh dua tahun penuh cabaran itu. Ia juga adalah hasil daripada strategi yang pragmatik dan komprehensif yang telah dilakukan kerajaan. Selain itu, bagi memantapkan ekonomi negara, banyak langkah mapan diambil Najib yang cukup berkesan di dalam pembangunan sosio-ekonomi negara, antaranya Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (PTK), Model Baru Ekonomi (MBE), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Semua pendekatan ampuh kerajaan itu sedang dilaksanakan oleh semua kementerian dan pada masa sama rakyat dibudayakan dengan pendekatan berkenaan yang mampu merubah secara keseluruhan landskap pembangunan dan sosio-ekonomi negara ke arah menjadi negara maju pada 2020. Kegigihan dan semangat yang ditonjolkan oleh Najib itu seharusnya dijadikan iktibar oleh semua lapisan masyarakat terutama apabila beliau mengajak rakyat bekerja dengan lebih gigih dan berdisiplin. Lebih-lebih lagi warga kerja Kementerian Kewangan (MOF) kerana Najib juga adalah Menteri Kewangan I. Pada masa sama, Najib sentiasa menekankan mengenai kepentingan MOF sebagai peneraju utama pengurusan kewangan negara. Sebagai contoh, di sepanjang tempoh Najib menerajui MOF, pelbagai penambahbaikan dan kejayaan telah dicipta hasil daripada komitmen dan sokongan padu yang diberikan oleh semua warga pekerjanya di kementerian itu.

MOF mempunyai tugas yang berat dalam memastikan imejnya selaku peneraju pengurusan kewangan utama negara. Najib bukan bersendirian apabila gandingan mantap yang cekap dicernakan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan timbalannya, Datuk Dr Awang Adek Hussin, dan Datuk Donald Lim Siang Chai. Sebenarnya Najib mempunyai prinsip yang cukup kental di dalam menjalankan tugas dan misi kewangan negara, ia seumpama ungkapan, legacy is not inherited, but is to be built adalah sesuatu yang tepat. Ini kerana usaha yang dilakukannya untuk mempertingkatkan sistem pengurusan perolehan dan memastikan pengagihan peruntukan kewangan dilaksanakan secara adil, telus dan dapat memenuhi kehendak pelanggan begitu berkesan. Melalui inisiatif berkenaan, MOF secara tidak langsung telah membantu kerajaan dalam memastikan aliran tunai peruntukan yang disalurkan ke semua kementerian dapat dibelanjakan mengikut perancangan. Selain usahanya untuk memastikan bajet negara berjalan lancar di semua kementerian/jabatan/agensi kerajaan dengan sistem pemantauan yang cekap cepat dan berkesan,

Najib juga telah berusaha secara serius bagi membantu golongan Bumiputera apabila Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) ditubuhkan oleh Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang dilancarkan oleh beliau sendiri pada 8 Februari lalu. TERAJU bermatlamat untuk menerajui, mengurus serta memacu inisiatif bagi memperkuatkannya lagi agenda pembangunan Bumiputera di negara kita. Dalam aspek ini, TERAJU dikehendaki melakukan kerjasama seerat mungkin dengan 'stakeholder' termasuk dewan perniagaan dan badan bukan kerajaan (NGO) supaya program pelaksanaannya mirip Program Transformasi GLC yang diperkenalkan kerajaan (pada 2004). Justeru, usaha kerajaan untuk menyenaraikan lebih banyak syarikat Bumiputera akan dapat diselaraskan menerusi sekretariat yang diletakkan di bawah TERAJU, yang akan melaporkan kepada jawatankuasa pelaksanaannya di bawah Dr Awang Adek yang juga Pengurus Jawatankuasa Kerja Urusetia Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB). Sehingga hari ini, ada lima syarikat Bumiputera di bawah skim ini yang sudah pun tersenarai di Bursa Malaysia dengan modal pasaran mencecah RM700 juta.

Bagi menyahut seruan Najib untuk menjadikan MOF adalah kementerian terunggul di negara kita terutama mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan mesra pelanggan, Bahagian Pinjaman Perumahan, MOF telah berjaya memenangi Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti (QE-5S) Peringkat Kebangsaan pada 9 Disember tahun lalu. Usaha yang sama di dalam pengurusan persekitaran juga diterokai oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) kerana berjaya mendapatkan pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE-5S) yang menjadi agensi kerajaan pertama yang dianugerahkan sijil 5S daripada MAMPU. Kedua-dua anugerah berkenaan merangsang semangat dan tekad semua warga pekerja MOF. Mereka tentunya sentiasa konsisten dalam mengamalkan konsep persekitaran berkualiti dalam setiap tugasannya sehari-hari dan bersama-sama berusaha mengekalkan konsep 5S dalam aktiviti dan tugasannya mereka. Sesungguhnya kejayaan MOF bukan berhenti di situ saja apabila kementerian itu berjaya mencapai tahap 5 bintang dalam penilaian Sistem Star Rating (SSR) oleh MAMPU berhubung pelaksanaan polisi dan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pengiktirafan 5 Bintang itu mendorong kementerian bekerja lebih bersistematik, teratur dan dinamik. Ini menuntut, semua warga kerja MOF mempertingkatkan lagi usaha bagi memanfaatkan sistem perkhidmatan di setiap peringkat dengan mengambil tindakan susulan ke atas teguran dan cadangan penambahbaikan oleh MAMPU bagi mengekalkan pencapaian berkenaan pada masa yang akan datang.

**MAINS biaya kos pulang Mesir**

SEREMBAN: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) akan membiayai kos penerbangan pulang dan memberi wang saku RM500 seorang kepada 280 pelajar tajaan MAINS dan persendirian di Mesir yang pulang menerusi Ops Piramid, awal bulan lalu. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata kerajaan negeri sudah membuat tempahan tiket penerbangan menerusi Qatar Airlines untuk penerbangan 20 Mac ini, namun pemergian mereka bergantung kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang menjalankan pemantauan di sana. Katanya, walaupun kebanyakan universiti akan memulakan sesi pengajian awal bulan ini, kita hanya mampu menempah penerbangan terawal pada tarikh itu berikutan masih banyak syarikat penerbangan belum beroperasi, selain terlalu banyak tempahan. "Atas dasar keprihatinan, MAINS mengambil keputusan menaja tiket penerbangan kepada 207 pelajar tajaannya serta 73 pelajar persendirian bernilai **RM504,000**.

"Wang saku sebanyak RM500 pula diberi kerana kebanyakan mereka pulang sehelai sepinggang dan wang itu diharap dapat diguna untuk membantu menampung perbelanjaan sekembali ke sana," katanya selepas Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Pelajar Negeri Sembilan di Mesir di sini, kelmarin. Majlis itu dihadiri kira-kira 700 orang, termasuk ibu bapa. Mohamad berkata, pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak mendapat pembiayaan pulang ke Mesir kerana dua agensi berkenaan menyediakan perancangan untuk pelajar tajaan mereka. Sementara itu, beliau meminta semua pelajar persendirian yang masih belum mendaftar bagi mendapatkan pembiayaan kos pulang ke Mesir supaya segera berbuat demikian di pejabat MAINS. "Ini adalah antara inisiatif yang dilakukan kerajaan negeri kepada pelajar dari Negeri Sembilan dalam usaha membantu mereka pulang ke Mesir dan menyambung pengajian walaupun tidak menerima mana-mana tajaan untuk meneruskan pengajian," katanya.

**Kelantan terima baik pembangunan Taman Halal**

KOTA BHARU: Kerajaan PAS Kelantan melahirkan penghargaan terhadap Kerajaan Persekutuan kerana mahu membangunkan Taman Halal (Halal Park) di negeri ini membabitkan **kos RM63.17 juta**. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat negeri, Datuk Anuar Tan Abdullah, berkata pembinaan taman itu meningkatkan taraf ekonomi rakyat melalui peluang pekerjaan yang diwujudkan. Katanya, taman halal itu akan dibangunkan di Mukim Apam, Pasir Mas, dengan kawasan seluas 44 hektar membabitkan dua fasa iaitu kerja tanah untuk fasa pertama (RM40.33 juta) dan fasa kedua (RM22.83 juta). "Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi peluang untuk membentuk kerjasama dalam projek ini yang membabitkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). "Melalui projek ini, ECER menyediakan kos pembinaan taman berkenaan sebanyak RM63.17 juta, manakala PKINK menyediakan tapak (tanah) seluas 44 hektar," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Hassan Mohamod (PAS-Tawang), yang ingin penjelasan mengenai langkah yang sudah dilakukan kerajaan negeri dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai Hab Halal. Anuar Tan berkata, melalui projek ini, PKINK turut menyediakan sumber manusia yang memberi-kan manfaat secara langsung kepada rakyat negeri ini khususnya pekerjaan sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat. "Projek berkenaan sudah bermula dan dijangka akan membabitkan tempoh beberapa tahun untuk siap. Kerajaan negeri berharap projek berkenaan akan melonjakkan negeri ini sebagai hub halal terkemuka di negara ini. "Kami merancang untuk membuka taman halal kedua iaitu di Tok Bali, Pasir Puteh, namun hanya akan bermula apabila projek pertama ini siap sepenuhnya nanti," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Khamis, 3 Mac, 2011

### Terengganu, Perak taja balik Mesir

KUALA LUMPUR: Kerajaan Terengganu dan Perak masing-masing akan menaja penerbangan pulang anak negeri untuk menyambung semula pengajian di Mesir, yang dijangka bermula pada pertengahan bulan ini. Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, berkata seramai 621 anak Terengganu yang pulang berikutan pergolakan politik di negara itu baru-baru ini mendaftar dengan kerajaan negeri, termasuk 46 tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan 22 MARA. Beliau berkata, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah akan mengadakan pertemuan dengan pengurusan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk berbincang mengenai penerbangan terus dari Kuala Terengganu ke Kaherah menggunakan pesawat Boeing 747. "Kita akan berbincang dengan MAS mengenai kos dan penerbangan. Bagaimanapun, kita hanya menanggung kos penerbangan pelajar bukan tajaan JPA dan MARA, dan tidak menanggung ahli keluarga mereka," katanya selepas mesyuarat EXCO di sini, semalam.

Di IPOH, Kerajaan Perak bersetuju menanggung sepenuhnya kos penghantaran pulang 696 pelajar universiti dan pegawai kerajaan dari negeri itu untuk kembali menyambung pengajian serta bertugas semula di Mesir membabitkan **perbelanjaan bernilai RM1.5 juta**. Pada masa sama, kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) bersetuju menyediakan wang saku sebanyak RM500 seorang kepada semua pelajar terbabit sebagai perbelanjaan sebelum memulakan pengajian membabitkan perbelanjaan RM348,000. Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zamby Abdul Kadir, berkata tindakan itu diputuskan mesyuarat EXCO semalam, bagi memastikan kesejahteraan serta keselamatan pelajar supaya pengajian mereka di negara terbabit tidak terganggu. "Kita menganggarkan kos penerbangan kira-kira RM2,000 setiap seorang dan mereka akan pulang secara berperingkat mulai 12 Mac ini kerana difahamkan ada universiti di negara itu mengadakan peperiksaan dalam tempoh berkenaan," katanya.

DI TANAH MERAH, seramai 60 pelajar di daerah ini dan Jeli yang pulang selepas berlaku pergolakan politik di Mesir menerima sumbangan daripada UMNO bahagian Tanah Merah. Semua pelajar berkenaan yang kini menunggu masa sesuai untuk kembali melanjutkan pengajian menerima sumbangan wang tunai dalam bentuk mata wang Mesir dan tudung atau kain pelekat. Ketua UMNO Tanah Merah, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz, berkata sumbangan itu diharap dapat membantu meringankan beban kewangan pelajar berkenaan apabila kembali memulakan pengajian masing-masing nanti. "Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban keluarga mahupun pelajar membiayai perbelanjaan untuk kembali ke universiti nanti."

"Saya juga berharap pelajar dapat belajar dengan baik sekali gus menamatkan pengajian dengan keputusan cemerlang," katanya ketika majlis doa selamat dan perjumpaan dengan pelajar Mesir yang tinggal dalam Parlimen Tanah Merah di rumahnya di sini, malam kelmarin.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 4 Mac, 2011

### 13,000 GSTT terus tugas

KINABATANGAN: Kerajaan mengumumkan menarik balik surat pemberhentian perkhidmatan kira-kira 13,000 Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang diberikan tahun lalu. Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira rungutan dan rayuan serta kewajaran dalam mencari penyelesaian terbaik terhadap isu mereka, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran berkata, keputusan itu sudah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Pelajaran dan surat pemberitahuan akan dikeluarkan kepada semua GSTT terbabit dalam tempoh terdekat. "Keputusan ini akan memberi peluang kepada mereka meneruskan perkhidmatan, sama ada muhul menjadi GSTT selama dua, tiga atau lima tahun. "Arahan penarikan balik itu dikeluarkan kira-kira dua bulan lalu, cuma pelaksanaannya mengambil masa sedikit kerana ia turut membabitkan logistik dan penempatan semula. "Bagaimanapun, saya meminta jika mereka dihantar ke tempat lain dan bukan di sekolah asal, mereka sanggup berkhidmat kerana mungkin di sekolah asal sudah diisi guru terlatih.

"Kementerian akan menempatkan mereka bagi mengisi kekosongan di sekolah yang menghadapi kekurangan guru," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Juara Rakyat Parlimen Kinabatangan di Dewan Kampung Simpang Entilibon di sini, semalam. Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuamut, Masiung Banah. Muhyiddin turut meminta Ketua Pengarah Pelajaran meneliti keperluan guru sementara yang masih diperlukan di sesetengah kawasan sebelum khidmat mereka dihentikan. Katanya, walaupun guru terlatih yang baru keluar dari Institut Pendidikan Guru (IPG), guru sementara perlu dibela kerana mereka boleh ditempatkan di kawasan yang memerlukan khidmat mereka. "Kita juga akan cuba memberi peluang kepada GSTT untuk mengikuti kursus lanjutan atau kursus dalam cuti supaya mereka boleh meningkatkan keupayaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut meminta semua pegawai pelajaran daerah membuat semakan dengan pegawai pelajaran negeri dan ibu pejabat sebelum mengambil guru sementara baru kerana boleh menggunakan khidmat GSTT sedia ada. Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, tindakan kerajaan melanjutkan tempoh pembayaran saman trafik selama 10 hari adalah susulan sistem komputer yang tidak berfungsi di beberapa tempat pada hari terakhir pembayaran, 28 Februari lalu. Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan dividen Ladang PPRT Tongod kepada wakil Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) dan menyerahkan geran berkelompok kepada Masiung. Seramai 1,022 penduduk dari 16 kampung di Ulu Tongod menerima geran itu. Kawasan seluas 7,700 hektar itu akan dibangunkan dengan **peruntukan kira-kira RM200 juta**.

## Projek ETP RM83b mampu dicapai

SASARAN pelaburan berjumlah **RM83 bilion** bagi projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) tahun ini masih mampu dicapai di sebalik berlakunya ketegangan politik di Asia Barat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Idris Jala. Beliau yang juga Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) berkata, daripada 92 peratus pelaburan dijangka daripada sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan dalam pelaksanaan ETP, 70 peratus akan datang daripada sumber domestik. "Ia agak membantu. Saya lebih suka melihat perniagaan tempatan sedia ada melabur wang mereka bagi pertumbuhan negara kita, ia adalah sangat baik," katanya sambil menambah, beliau percaya pelaburan asing akan datang apabila mereka melihat peluang baru yang ditawarkan di bawah ETP.

Idris berkata demikian selepas dialog Kaji Selidik Tahunan Ketua Eksekutif Global Ke-14 PricewaterhouseCoopers, di Kuala Lumpur, semalam bagi mengulas laporan bahawa krisis politik di Asia Barat boleh menyekat pembabitan pelabur dari rantau itu dalam projek ETP. Pada Januari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan 19 lagi projek permulaan (EPP) di bawah ETP yang akan menjana pelaburan bernilai hampir RM67 bilion, tambahan Pendapatan Negara Kasar (GNI) RM36 bilion dan mewujudkan 35,000 peluang pekerjaan baru. Sejak pelancaran ETP pada 25 Oktober tahun lalu, 18 EPP telah diumumkan. Idris berkata, pelancaran projek ETP bagi tempoh lima tahun akan datang dijangka menjana purata pelaburan RM115 bilion setiap tahun. "Kami yakin pelaburan itu boleh dicapai. Kami telah menjalankan kaji selidik dengan 5,800 syarikat di Malaysia, antara lainnya menanyakan jumlah pelaburan yang mereka peruntukkan bagi tahun ini. Ia adalah menggalakkan," katanya.

Beliau berkata, 8,700 panggilan telefon telah dibuat semasa kaji selidik itu. Perdana Menteri akan membuat pengumuman selanjutnya mengenai projek di bawah ETP Selasa minggu depan, katanya. Sementara itu, kaji selidik PricewaterhouseCooper (JwC) itu mendapat tahap keyakinan di kalangan ketua eksekutif seluruh dunia terhadap persekitaran perniagaan sudah kembali meningkat. "Keyakinan sudah kembali hampir ke paras sebelum krisis," kata Pengarah Urusan PwC Malaysia, Chin Kwai Fatt ketika pembentangan hasil kaji selidik itu. Beliau menjelaskan, kaji selidik dijalankan di 69 negara itu mendapat 54 peratus ketua eksekutif di Asia sangat yakin pertumbuhan dalam tempoh 12 bulan akan datang, manakala hampir 90 peratus daripada 1,201 ketua eksekutif global yang terbabit dalam kaji selidik itu menjangka operasi mereka akan berkembang di Asia tahun ini, dengan China dan India sebagai pasaran utama pertumbuhan. Beliau berkata, 78 peratus menjangka usaha pembangunan inovasi bakal menjana peluang pendapatan baru dalam tempoh tiga tahun akan datang, manakala lebih separuh ketua eksekutif di Asia Pasifik bercadang menambah pekerjaan dalam tempoh 12 bulan akan datang.

**Kerajaan lulus 67 projek pelaburan RM4.6 bilion**

KERAJAAN telah meluluskan 67 projek dalam sektor pengilangan membabitkan pelaburan berjumlah **RM4.6 bilion** hanya pada Januari lalu. Daripada jumlah itu, 49 projek dengan pelaburan berjumlah RM4 bilion atau 89 peratus daripada jumlah pelaburan adalah membabitkan pelabur domestik. Projek yang diluluskan itu, apabila dilaksanakan, dijangka mewujudkan 8,928 peluang pekerjaan baru. Mengumumkan perangkaan itu selepas melawat JF Microtechnology Bhd di Petaling Jaya semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pelaburan domestik terbesar diperoleh daripada syarikat dalam sektor minyak dan gas, diterajui Malaysia Marine and Heavy Engineering Bhd dengan pelaburan keseluruhan RM2.3 bilion. Industri lain yang menyumbang kepada sebahagian besar pelaburan domestik pada bulan berkenaan termasuk produk elektrik dan elektronik (RM831.8 juta), produk logam asas, kimia dan produk kimia dan peralatan saintifik dan pengukuran. Pelaburan asing yang diluluskan pada bulan berkenaan adalah berjumlah RM600 juta yang mana kebanyakannya membabitkan syarikat dari Singapura, Perancis, Jepun, United Kingdom dan India. Mustapa menjangkakan pelaburan bagi tahun ini kekal meningkat, disokong pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Sektor pengilangan Malaysia tahun lalu menarik pelaburan RM47.2 bilion membabitkan 910 projek, iaitu kenaikan 44.8 peratus berbanding RM32.6 bilion yang diluluskan bagi 766 projek pada 2009. Sementara itu, Mustapa dalam satu temubual dengan BERNAMA di New Delhi berkata, syarikat pengeluar keluli dan prasarana India berminat menujuhkan operasi di Malaysia, dengan rundingan peringkat tinggi mengenainya sudah pun dimulakan. "Mereka sukaan Malaysia dan mendapatinya mudah untuk menjalankan perniagaan di negara ini. Syarikat ini telah menjalankan sedikit penyelidikan sendiri dan berminat untuk menjalankan perniagaan di Malaysia. "Tetapi ada beberapa isu yang kita perlu jelaskan. Mereka mahu membawa masuk tenaga buruh mahir, ingin mengetahui kemudahan mendapatkan besi lusuh dan juga tarif," katanya. Konglomerat terbesar India, Essar Group, pembuat keluli Srinathji Ispat Ltd dan Sagarasia Group of Companies sedang menimbang dengan serius untuk melebarkan sayap masing-masing ke Malaysia. Sebuah lagi syarikat itu, Essar, berminat untuk mencuebi sektor prasarana, janakuasa, minyak dan gas. Srinathji Ispat dan Sagarasia pula berminat terhadap prasarana kincir angin, tangga aluminium yang digunakan dalam pesawat serta perancah dan produk keluli. "Malah syarikat ini berminat mengadakan pangkalan pengeluaran bagi Asean di Malaysia," katanya.

**1,142 askar pencegat terima sagu hati RM19 juta**

MERLIMAU: Seramai 1,142 pesara tentera yang cedera ketika berkhidmat atau menjalani latihan sebelum 2001 dijangka menerima sagu hati atau ex-gratia bernilai RM19 juta. Permohonan sudah dikemukakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berharap kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada kumpulan itu kerana ex-gratia adalah penghargaan terhadap pengorbanan veteran tentera yang tidak mendapat pencer dan cedera. Katanya, beliau akan berbincang secara mendalam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan bagi memastikan tuntutan pesara tentera terbabit diluluskan segera. "Saya amat terpanggil untuk memperjuangkan tuntutan mereka dan insya-Allah hasil perjuangan dan rayuan veteran tentera ini akan diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri," katanya pada majlis perjumpaan bersama veteran ATM dan keluarga anjuran JHEV ATM cawangan Melaka dan Negeri Sembilan, di sini semalam.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan menyelesaikan tuntutan ex-gratia kepada bekas tentera yang cacat anggota ketika berjuang menentang komunis dan ketika berkhidmat sehingga 1994 selain bersetuju menaikkan wang khairat kematian daripada RM500 kepada RM3,000. Pada 2008, Najib ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan mengumumkan satu skim faedah baru termasuk pembayaran ex-gratia kepada anggota tentera yang cedera akibat bencana kerja berkuat kuasa 1 Januari 2001. Sebelum itu, ex-gratia Bencana Kerja bagi Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa 1 Januari 2001 diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam. Bagi perkhidmatan ATM, faedah hilang upaya dan kematian hanya disediakan mengikut Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982.

**BERITA HARIAN**  
online

Ahad, 6 Mac, 2011

### **RM300 j baik pulih rumah**

**TEMERLOH:** Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyediakan peruntukan **RM300 juta** bagi membina dan membaik pulih rumah untuk golongan miskin di seluruh negara bagi memastikan mereka mendapat kediaman lebih selesa. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata kementerian turut mensasarkan untuk membina lebih 19,000 unit kediaman bagi golongan itu berbanding 16,000 unit yang dibina sepanjang tahun lalu. "Bagi operasi membaik pulih rumah, kementerian menyediakan sebanyak RM11.6 juta tahun ini dengan peruntukan baik pulih rumah adalah RM12,000 bagi setiap unit," katanya selepas menghadiri Majlis MARA Bersama Rakyat di Kampung Sri Ketumbit di sini semalam.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 8 Mac, 2011

### **Skim insentif yuran perkhidmatan diperkenal**

**BANGSAR:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan skim insentif yang akan dimulakan di Apartmen Putra Ria (Putra Ria), Pantai Dalam, bagi membolehkan faedah kelewatan yuran perkhidmatan penduduk, dilupuskan. Mengumumkan perkara itu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata insentif itu bagi membantu penghuni Putra Ria yang didapati menanggung faedah kelewatan yuran perkhidmatan mencecah RM600,000 sejak kawasan itu didiami 15 tahun lalu. Katanya, penduduk yang menjelaskan semua bayaran tertunggak selama setahun sekali gus, mereka layak mendapat diskaun pengecualian pembayaran satu bulan.

"Pemilik unit yang membayar yuran perkhidmatan tiap-tiap bulan tanpa tunggakan selama setahun pula diberi potongan 50 peratus daripada nilai yuran perkhidmatan bagi bulan Disember setiap tahun," katanya kepada lebih 200 penduduk Putra Ria pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dataran Blok 94 Putra Ria di sini, kelmarin. Penduduk yang mempunyai caj tertunggak, pihaknya memberi kelonggaran penalti iaitu faedah bagi jumlah RM600,000 dimansuhkan. "Tetapi mereka harus mengikuti syaratnya iaitu mereka perlu membayar tunggakan dalam jangka masa 12 bulan," katanya sambil menjelaskan pengecualian berkenaan hanya diberikan sekali saja dalam tempoh pembelian unit apartmen itu. Pada majlis sama, Raja Nong memaklumkan Putra Ria akan `berwajah baru' selepas sejumlah RM1 juta diperuntukkan untuk mengecat semula dan menaik taraf jalan serta surau di Putra Ria oleh DBKL serta Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Raja Nong berkata, sejak didiami pada 1996, DBKL membelanjakan lebih RM6 juta untuk kerja penyelenggaraan di Putra Ria termasuk bagi penggantian bumbung bocor, memperbaiki sistem pencegahan kebakaran, baik pulih lif dan menyediakan penutup longkang. "Saya mahu ingatkan penduduk, pembayaran yuran perkhidmatan mesti dijelaskan setiap bulan kerana kediaman kita perlu diselenggara bagi mengelakkannya memberi masalah kepada penduduk. "Apa yang lebih penting, kita tidak mahu beban akibat tidak membayar yuran perkhidmatan ini terpaksa ditanggung jiran yang tidak pernah mengabaikan tanggungjawab membuat pembayaran setiap bulan," katanya. Beliau berkata, sekiranya skim itu dilihat mampu meningkatkan kesedaran penduduk, ia mungkin akan diperluaskan di kawasan lain.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 8 Mac, 2011

### **Pelawaan kepada pemimpin pembangkang lawat LIMA bukti kerajaan telus**

PELAWAAN Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kepada Ahli Parlimen pembangkang untuk menyertai lawatan ke Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2011 (LIMA 2011) pada Disember ini, bukan sekadar 'ajak-ajak ayam'. Peluang terbuka ini harus digunakan sepenuhnya oleh Ahli Parlimen pembangkang, termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng untuk 'memeriksa' sendiri kemampuan kelengkapan aset pertahanan negara. Selama ini mereka sering mengkritik dan mempertikai pembelian kelengkapan pertahanan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), termasuk dua kapal selam.

Paling penting, Guan Eng dan Ahli Parlimen pembangkang lain bukan saja akan dibawa melihat pameran ini, malah mereka juga boleh meninjau sendiri dan mendapat gambaran sebenar mengenai aset ketenteraan negara. Langkah itu membuktikan sikap keterbukaan dan akauntabiliti kerajaan dalam soal pembelian aset pertahanan negara yang menjadi perkara sensitif untuk didebatkan secara terbuka. Kita percaya sikap keterbukaan ini akan dapat menghentikan tindakan berterusan pembangkang yang gemar mempertikaikan setiap keputusan pembelian aset pertahanan negara. Selepas ini, kita harap semua pihak termasuk ahli politik berhenti daripada mempertikaikan kemampuan aset pertahanan yang dibeli kerajaan kerana ia dikhuatiri boleh menimbulkan implikasi negatif terhadap pertahanan dan ketenteraan negara, termasuk dakwaan kononnya kapal selam negara tidak boleh menyelam. Sudah sampai masanya untuk pembangkang, khususnya Ahli Parlimen mereka berfikir secara rasional sebelum membantah kerana soal keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama.

Agak mengecewakan apabila Ahli Parlimen pembangkang berterusan mencari kelemahan dalam isu membabitkan kepentingan negara, sedangkan sudah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia untuk bersatu demi mempertahankan kepentingan bersama. Sebelum ini, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua mendakwa kerajaan mahu membeli 257 kereta perisai 8x8 (APC) melebihi harga pasaran. Malah Pua juga mendakwa kerajaan akan membelanjakan RM31.1 juta bagi setiap kereta perisai itu, meskipun ada model yang jauh lebih murah dan canggih di pasaran. Kita percaya setiap Ahli Parlimen pembangkang yang menyertai lawatan ke pameran LIMA di Langkawi nanti, bukan saja dapat menambah ilmu mengenai industri pertahanan global, malah dapat memahami keperluan sistem pertahanan yang diperlukan negara. Penyertaan Guan Eng dalam lawatan ini penting kerana beliau berpeluang melihat sendiri mahu ke atas kapal selam negara yang sebelum ini didakwa pemimpin pembangkang itu tidak boleh menyelam.

Kita akui pembangkang berhak menyuarakan pandangan mereka, bagaimanapun ia perlu dibuat secara bertanggungjawab dan tidak menggunakan Parlimen untuk membuat sebarang tuduhan tidak berasas terhadap kerajaan. Tindakan ini bukan saja mengelirukan rakyat, malah boleh menjelaskan kredibiliti pasukan ketenteraan, sekali gus mengundang pelbagai persepsi negatif oleh masyarakat antarabangsa mengenai kemampuan sistem pertahanan kita. Demi kepentingan negara, adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak mempolitikkan soal pembelian kelengkapan ketenteraan dan aset pertahanan negara, selain mendakwa pasukan tentera tunduk kepada tekanan politik. Kita berharap hasil lawatan ini akan membuka mata pemimpin pembangkang dan tidak lagi membuat tuduhan melulu terhadap kerajaan serta kemampuan aset ketenteraan yang dibeli.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 8 Mac, 2011

### **Kayu bakau bernilai RM16 j lesap dari hutan simpan**

KLANG: Kegiatan mencuri kayu bakau di Sungai Dua dan Sungai Tiga, di Hutan Simpan Pulau Ketam, dekat sini, menyebabkan negara kerugian hampir **RM16 juta** sejak Julai tahun lalu, manakala setakat Mac tahun ini saja nilai kerugian dianggar melebihi RM6 juta. Sepanjang tahun ini, sebanyak 11 tangkapan dan pendakwaan terhadap dalang kegiatan itu dilaksanakan, namun kegiatan haram itu makin meruncing dan sukar dibendung kerana permintaan yang tinggi terhadap kayu bakau sebagai bahan alternatif untuk projek pembangunan. Akibatnya, jumlah kerugian semakin meningkat setiap bulan membabitkan seluas 18,088 hektar kawasan hutan simpan berkenaan. Yang mengejutkan, kira-kira 200,000 batang kayu bakau bernilai RM10 hingga RM15 setiap satu ditebang dan dibawa keluar setiap bulan dari hutan simpan itu ke Pelabuhan Klang sebelum dipasarkan ke sekitar Lembah Klang.

Difahamkan, selain dilakukan pekerja tanpa permit, upah lumayan RM2 setiap batang yang ditebang, memberi keuntungan mudah kerana setiap penghantaran membawa hampir 1,000 muatan kayu bakau. Wartawan Berita Harian yang menyertai operasi risikan ke lokasi itu semalam mendapati lebih 15 lokasi longgokan kayu bakau siap ditebang sudah dikumpulkan di tebing sungai, dipercayai untuk dibawa pekerja warga asing terbabit ke Pelabuhan Klang. Turut dijumpai, beberapa rumah kongsi pekerja warga asing yang ditinggalkan di sekitar anak sungai di Pulau Ketam, sekali gus menunjukkan kegiatan itu dilakukan secara berleluasa di kawasan hutan simpan itu.

Penolong Pengarah Operasi dan Penguatkuasaan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Mohd Yussainy Md Yusop, berkata setakat ini hampir 80 peratus kawasan hutan dicerobohi setiap hari dan bakinya menunggu untuk diterokai pada bila-bila masa. "Kita sudah mengenal pasti lima kumpulan yang dianggotai kira-kira 35 pekerja yang sangat aktif menebang kayu bakau. Minggu depan kita akan mendakwa seorang lagi dalang," katanya ketika menjalankan risikan ke lokasi terbabit, semalam. Beliau berkata, selain kekangan laluan tikus yang sukar dijejaki, kemungkinan wujud amalan rasuah dalam agensi yang berkawal sekitar Pulau Ketam serta kebocoran maklumat dari orang dalam menjadi punca kesukaran membanterasnya. Katanya, jabatan itu sering membincangkan langkah bagi menjalin kerjasama pelbagai pihak termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Gerakan Marin dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) bagi membanterasnya, selain risikan setiap dua minggu. Penolong Kanan Penguasa SPRM, Mohd Yusuf Zakaria yang turut menyertai risikan, berkata warga asing yang menjalankan kegiatan itu mendirikan penempatan sementara atau rumah kongsi dan berpindah randah ke lokasi berbeza pada setiap bulan. "Agensi penguatkuasaan yang merisik kawasan itu mengalami kesukaran kerana hanya perahu kecil mampu menembusi laluan tikus yang menghubungkan Jeti Pulau Ketam ke rumah kongsi pekerja terbabit," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 9 Mac, 2011

### Sasar RM132j pembiayaan SpiKE

MARA menyasarkan meluluskan pembiayaan berjumlah **RM132 juta** kepada 1,980 kontraktor Bumiputera di bawah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SpiKE) tahun ini. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal berkata, skim itu yang dulunya dikenali Skim Pembiayaan Kontrak, tetapi dijenamakan semula selepas dilakukan penambahbaikan, menggunakan peruntukan dalaman sebanyak RM100 juta agensi itu bagi membantu menyelesaikan masalah modal pusingan yang dihadapi kontraktor Bumiputera. Katanya, SpiKE menawarkan pembiayaan sehingga RM500,000 kepada kontraktor binaan kelas D, E dan F serta kontraktor bekalan, perkhidmatan dan elektrik. Pembiayaan sebanyak RM250,000 dan ke bawah, katanya tidak memerlukan sebarang jaminan dan cagaran.

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 9 Mac, 2011

### MARA bangun hartanah RM300j

MARA akan melaksanakan projek pembangunan hartanah bercampur bernilai **RM300 juta** di Persiaran Gurney, Kuala Lumpur. Projek pertama di bawah program menjana nilai asetaset yang dimiliki agensi itu, akan dilaksanakan Symbolic Avenue Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama antara MARA Incorporated Sdn Bhd (MARA Inc) dengan syarikat pembangunan hartanah, ZIKAY Group Sdn Bhd. Dikenali sebagai Gurney Avenue, ia akan mengandungi unit kediaman dan ruang peruncitan komersial, dengan jumlah keluasan lantai 63,732 meter persegi. Selain bertujuan menjana nilai daripada aset dimiliki MARA bagi membolehkannya menambah dana bagi menggiatkan lagi pelaksanaan pelbagai program memperkasakan ekonomi Bumiputera, pembangunan projek itu juga bakal menyediakan ruang perniagaan baru untuk peniaga golongan berkenaan.

"Kami yakin pembangunan yang dijangka bermula dalam masa enam bulan ini akan memberikan pulangan serta aliran tunai kepada MARA yang boleh disalurkan bagi melaksanakan pelbagai program yang diatur demi mencapai aspirasi dan tujuan penubuhannya. "Ruang perniagaan yang ditawarkan projek ini pula akan menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera melonjakkan nilai ekonomi perniagaan dan menjadi mercu tanda kebanggaan Bumiputera dan MARA," kata Pengerusi MARA Inc, Datuk Mohd Lan Allani pada majlis memeterai perjanjian usaha sama itu di Kuala Lumpur semalam. Pada majlis itu, Mohd Lan mewakili MARA Inc, manakala ZIKAY Group oleh Pengarah Urusannya Datuk Mohd Khay Ibrahim. Majlis berkenaan disaksikan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal. MARA Inc ditubuhkan MARA pada 1 Mac 2008 bermatlamat mengembangkan pemilikan Bumiputera dalam ekonomi dan membolehkan Bumiputera mencebur i bidang baru bagi mempercepatkan usaha pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. ZIKAY Group yang ditubuhkan sejak 1991 dengan modal berbayar RM35 juta setakat ini sudah menjalankan pelbagai projek pembinaan dan pembangunan harta tanah bernilai lebih RM1 bilion.

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 9 Mac, 2011

### Penduduk Pulau Ketam lega jeti dibaiki

PELABUHAN KLANG: Lebih 10,000 penduduk Pulau Ketam dan Sungai Lima lega dengan keputusan Kementerian Pengangkutan meluluskan projek membaiki jeti awam bernilai kira-kira **RM600,000** sekali gus menamatkan kegelisahan mereka sejak dua tahun lalu. Usaha menggantikan pontun yang tenggelam dua tahun lalu dijangka memudahkan penduduk berulang alik ke Pelabuhan Klang, menggunakan 10 feri dan bot persendirian. Pengerusi Persatuan Penduduk Pulau Ketam, Chia Mong Chun, berkata penduduk berterima kasih dengan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) menyelesaikan masalah mereka menerusi Kementerian Pengangkutan. "Penduduk dimaklumkan Kementerian Pengangkutan membayai projek membaiki jeti awam Pulau Ketam menerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). "Kerja membina semula jeti awam termasuk menggantikan pontun baru bermula semalam dan dijangka siap dalam tempoh tidak lebih tiga bulan," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri Ketua MCA Kapar, Datuk Song Kee Chai dan Naib Ketua Pemuda MCA Selangor, Lee Chee Chun.

Mong Chun menjelaskan jeti awam ke Pulau Ketam tenggelam pada Jun 2009 dan penduduk menumpang jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selama beberapa bulan sebelum menggunakan jeti milik ASA Niaga Sdn Bhd (ASA Niaga). Katanya, dalam tempoh itu penduduk meminta ihsan kerjasama kerajaan negeri supaya melihat masalah mereka secara dekat dan memikirkan kaedah terbaik membantu penduduk Pulau Ketam dan Sungai Lima. "Tetapi kerajaan negeri yang diterajui parti pembangkang enggan membantu penduduk dengan alasan permohonan kami sepatutnya dirujuk kepada Kerajaan Pusat. "Politik tarik tali sebegini menyebabkan penduduk Pulau Ketam dan Sungai Lima terpaksa berdepan gelora ombak laut selama dua tahun," katanya. Mong Chun berkata, sehingga kini jeti ASA Niaga yang terletak tidak jauh dari situ tidak dilengkapi pontun untuk menerima penumpang feri dan bot persendirian. Katanya, disebabkan jeti itu tidak sesuai dengan arus air deras dan bergelombang, penduduk meminta kerajaan negeri dan kerajaan Pusat membaiki semula jeti lama dengan menyediakan pontun mudah alih. Sementara itu, Kee Chai berkata pihaknya akan membantu persatuan itu memantau projek pembinaan semula jeti awam Pulau Ketam mengikut jadual ditetapkan.

**RM1.4j bina kemudahan sekolah agama**

MERLIMAU: Kerajaan negeri menerusi Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) memperuntukkan **RM1.4 juta bagi membeli tanah seluas 4.8 hektar** berhampiran Sekolah Menengah Tahfiz al-Quran Cenderah (SMTAQ) dekat sini, untuk membina kemudahan baru di sekolah itu. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata selain membina kemudahan pembelajaran untuk pelajar sekolah berkenaan, peruntukan itu juga akan digunakan untuk membina padang. Katanya, setakat ini, kerajaan negeri akan menumpukan kepada usaha membeli tanah berkenaan terlebih dulu, manakala projek pembangunan di sekolah terbabit akan disusuli kemudian. "Kerajaan bertanggungjawab menjaga dan menyediakan kemudahan sepatutnya kepada pelajar. "Kemasukan ramai pelajar yang tertumpu di sekolah ini, menyebabkan kemudahan infrastruktur padang perlu diambil kira dan saya meminta pengurusan sekolah memainkan peranan mereka demi pembangunan fizikal dan kebaikan pelajar di sini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) kepada 60 pelajar daripada empat sekolah di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau di sekolah berkenaan di sini, semalam. SMTAQ adalah sekolah tahniz terbesar di negeri ini dengan 203 pelajar dan 35 tenaga pengajar. Hadir sama, Ahli Parlimen Jasin, Datuk Wira Ahmad Hamzah, Pengarah Pelajaran negeri, Juliah Leman dan Pengetua SMTAQ, Ismail Yaacob. Terdahulu, ketika berucap, Mohd Ali berkata, pada tahun ini kerajaan negeri melalui Yayasan Melaka menyumbang yuran tuisyen sebanyak RM781,000 kepada semua sekolah di seluruh negeri, manakala bagi DUN Merlimau pula berjumlah RM35,800 membabitkan 15 sekolah. Katanya, sumbangan itu bagi memastikan setiap sekolah dapat membuat perancangan awal untuk mengadakan tuisyen kepada pelajar masingmasing. "Sebagai bukti kejayaan hasil usaha kerajaan negeri setiap tahun, pencapaian Melaka bagi keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) amat membanggakan peringkat kebangsaan," katanya.

**PM umum 9 projek ETP RM2.26b**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan sembilan projek permulaan baru di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan pelaburan bernilai **RM2.26 bilion** yang dijangka menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) bernilai RM11.71 bilion menjelang 2020. Ia terdiri daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pelancongan, perubatan, pertanian, sawit dan getah, elektrik dan elektronik serta minyak dan gas. Sembilan projek baru berkenaan adalah sebahagian daripada 23 projek permulaan baru yang diumumkan sejak awal tahun ini, membabitkan pelaburan keseluruhan RM14.75 bilion dan dijangka menjana PNK bernilai RM20.1 bilion serta mewujudkan 88,354 pekerjaan tambahan menjelang 2020. Perdana Menteri berkata, semua projek permulaan baru itu akan membantu negara mencapai sasaran pelaburan RM83 bilion tahun ini.

"Daripada jumlah pelaburan yang disasarkan, RM76 bilion dijana menerusi pelaburan dalam projek permulaan," katanya ketika mengumumkan perkembangan terkini ETP di sini semalam. Mendahului senarai pelaburan projek ialah NKEA pelancongan, apabila Globalports Sdn Bhd dan Marina Sanctuary Resort Sdn Bhd melabur RM600 juta untuk membina kemudahan di Marina Island Pangkor, iaitu pusat peranginan dan hiburan terkemuka yang dapat menyokong pertumbuhan industri pelayaran. Ia dijangka menyumbang RM9 bilion kepada PNK sehingga 2020. Di bawah NKEA perubatan, General Electric Malaysia (GE) dan rakan kongsi tempatan, REDtone International akan melabur dalam teknologi dan kepakaran bagi membangunkan hab teleradiologi dengan jangkaan sumbangan PNK sebanyak RM540 juta dan 1,500 pekerjaan menjelang 2020. Sementara itu, Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) akan melabur RM99.6 juta di bawah NKEA pertanian tahun ini untuk meningkatkan sistem pengairan serta menggalakkan perkongsian antara petani kecil dengan petani besar. Usaha itu dijangka meningkatkan pendapatan petani 30 hingga 50 peratus menjelang 2020 dengan pulangan sebanyak RM1 bilion. Di bawah bidang sama, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) akan melabur RM26.6 juta untuk menggalakkan penanaman padi beras wangi di kawasan bukan jelapang dan memasarkannya sebagai beras wangi dan semula jadi dengan menyumbang RM133 juta kepada PNK. Bidang lain termasuk:

- \* Pelaburan RM416.2 juta oleh Emery Oleochemicals Group yang bakal menyumbang RM155 juta kepada PNK dan mewujudkan 86 pekerjaan baru.
- \* Pelaburan RM12 juta oleh QAV Technologies Sdn Bhd untuk membangunkan pusat pensijilan cahaya keadaan pepejal dan diod pemancar cahaya serta menjana PNK sebanyak RM510 juta.
- \* Pelaburan RM1 bilion oleh RG Gas and Chemicals Sdn Bhd yang menyumbang RM360 juta.
- \* Pelaburan RM94.29 juta oleh Cypark Resources Bhd yang dijangka menjana PNK sebanyak RM12.16 juta.
- \* Faber Group Bhd menerajui projek Sistem Pengurusan Prestasi Tenaga (EPMS) dan memulakan audit tenaga di lima hospital awam bagi memastikan penggunaan kecekapan tenaga dengan menghasilkan RM18 juta penjimatan menjelang 2020.

**BERITA HARIAN**  
online

Khamis, 10 Mac, 2011

#### **RM6.8 b diagih untuk pinjaman perumahan penjawat awam**

CYBERJAYA: Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) Perbadanan Malaysia dijangka mengagihkan pinjaman berjumlah **RM6.8 bilion kepada kakitangan kerajaan** tahun ini berbanding RM5.9 bilion tahun lalu, selaras dengan pengumuman kerajaan untuk menambah kadar maksimum pinjaman perumahan baru-baru ini. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Awang Adek Hussein, berkata sejak BPP ditubuhkan, ia sudah mengagihkan pinjaman lebih RM76.2 bilion kepada hampir sejuta kakitangan awam. "Kerajaan menyemak semula struktur pinjaman kakitangan kerajaan dengan meluluskan peningkatan 15 peratus dan berkuat kuasa 1 Januari lalu, kadar pinjaman maksimum ialah RM450,000 berbanding RM360,000 ditetapkan sebelum itu. "Serentak itu, kita jangka sektor berkaitan seperti perlindungan insurans hartanah akan turut berkembang pada kadar lebih memberangsangkan," katanya pada sidang media selepas majlis pelantikan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) ke dalam senarai panel Takaful BPP Perbadanan Malaysia, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha BPP Perbendaharaan Malaysia, Dr Chen Chaw Min; Pengerusi PruBSN, Datuk Adinan Maning dan Ketua Pegawai Eksekutif PruBSN, Azim Mithani. Menerusi skim terbabit, PruBSN menyediakan dua produk iaitu Takaful Gadai Janji dan Takaful Rumahku. Takaful Gadai Janji menawarkan pelan perlindungan gadai janji terhadap pinjaman perumahan. Sementara itu, pelan perlindungan pemilik rumah Takaful Rumahku pula menyediakan perlindungan jika berlaku bencana tidak dijangka, bencana alam atau kebakaran termasuk melindungi kos tempat tinggal sementara rumah yang rosak diperbaiki. Kedua-dua pelan perlindungan itu memberi satu lagi pilihan kepada kira-kira 1.3 juta kakitangan kerajaan yang mahu mendapatkan perlindungan insurans bagi hartanah mereka.

**BERITA HARIAN**  
online

Khamis, 10 Mac, 2011

### 14,000 rumah sedia dijual

KUALA LUMPUR: Sebanyak 23 projek perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di seluruh negara membabitkan 14,000 unit rumah tersedia untuk dijual kepada pembeli berpendapatan tidak melebihi RM3,000 menerusi Skim Rumah Pertamaku. Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh, berkata rumah berharga RM100,000 hingga RM220,000 itu adalah antara 35 projek dimajukan oleh syarikat itu termasuk 12 projek yang sedang disiapkan. Beliau berkata, sejak Skim Rumah Pertamaku diumumkan Januari lalu, SPNB bekerjasama dengan Cagamas Berhad selaku syarikat perbadanan gadai janji dan mengumpul data serta senarai pembeli yang berminat sebelum disaring dan dikemukakan untuk pertimbangan institusi kewangan. Setakat ini, 3,000 pembeli berminat menyertai skim itu yang membolehkan pekerja swasta berusia 35 tahun ke bawah memohon pinjaman dengan tempoh maksimum pembiayaan 30 tahun. "Skim yang memudahkan urusan pembelian rumah itu dijangka menarik lebih ramai pemaju menyediakan rumah pada harga ditetapkan," katanya semalam.

Mulai kelmarin, golongan muda berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan boleh membuat pinjaman 100 peratus daripada 25 bank termasuk institusi kewangan Islam bagi membeli rumah. Kerajaan melalui Cagamas Berhad akan menjamin bayaran pendahuluan atau deposit 10 peratus, sebagai jaminan melindungi bank daripada kerugian. Sementara itu, Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA) meminta kerajaan meneliti semula nilai maksimum rumah daripada RM220,000 kepada RM350,000 untuk pembeli di kawasan Lembah Klang bagi membolehkan golongan muda yang berhijrah ke Kuala Lumpur dan Selangor memiliki rumah sendiri. Selain itu Presidennya, Datuk Seri Michael KC Yam, berkata pihak berkepentingan terutama pihak berkuasa tempatan perlu meneliti semula akta perancangan perumahan yang mewajibkan pemaju menyediakan rumah mengikut saiz ditetapkan. Ia penting untuk membolehkan pemaju di Lembah Klang membangunkan unit yang lebih kecil, sekali gus mengurangkan kos pembinaan rumah dan menurunkan harga rumah tanpa meminggirkan kemudahan asas di kawasan perumahan. "Rekod menunjukkan tidak banyak hartaan berharga bawah RM220,000 di Kuala Lumpur dan Selangor, iaitu pusat bandar yang mencatatkan jumlah tertinggi golongan muda bekerja. Permintaan terhadap pemilikan rumah di Kuala Lumpur dan Selangor juga tertinggi berbanding negeri lain," katanya.

Pengarah Komunikasi Kumpulan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, pula berkata kerajaan perlu mewujudkan kawalan bagi menyekat tindakan sebilangan kecil pemaju perumahan yang hanya ghairah memajukan perumahan bernilai RM200,000 dan ke atas, sekali gus meminggirkan keperluan perumahan bagi golongan kurang berkemampuan. Beliau berkata, kawalan perlu dibuat terhadap nilai sebenar rumah bagi mengelak pembeli ditipu, selain memastikan hanya pemaju berwibawa menyertai Skim Rumah Pertamaku. "Pembeli juga kemungkinan terpaksa menanggung kos tambahan daripada kadar faedah pinjaman berikutan pembiayaan ditawarkan 100 peratus berbanding pembeli lain yang hanya menanggung faedah daripada 90 peratus pembiayaan," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Khamis, 10 Mac, 2011

### **Akta tangani aliran keluar dana ke Parlimen tahun ini**

AKTA Perkhidmatan Perniagaan Wang, yang akan membolehkan Bank Negara Malaysia menangani aliran keluar dana dari negara ini, dijangka dibentangkan di Parlimen pertengahan tahun ini, kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. Sejak awal 2000, Bank Negara telah menyediakan langkah untuk menangani aliran keluar dana seperti perundangan pengubahan wang haram, langkah mengawal selia pengurup wang dan mengenakan had bagi wang dibawa keluar dari negara. Pada Januari, Global Financial Integrity melaporkan bahawa aliran kewangan haram dari Malaysia berjumlah AS\$291 bilion (RM888 bilion) antara 2000 dan 2009. Ditanya mengenai siasatan bagi aliran keluar dana sekarang, Zeti berkata, bank pusat akan mengeluarkan kenyataan selepas meneliti 'nombor dan membuat penilaian ke atas pelbagai bahagian'. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menghadiri satu taklimat di bank pusat itu semalam. Mengenai minat China Construction Bank untuk membeli pegangan dalam EON Capital Bhd, Zeti berkata sebarang minat yang diluahkan perlu berdasarkan kepada 'kerelaan pembeli kerelaan penjual'. "Kami telah membukakan (sektor perbankan) dan mereka bebas untuk datang dan membuat permintaan. Kami akan meneliti sama ada mereka (kedua-dua pihak domestik dan tempatan) mempunyai keupayaan," katanya.

### **Kabinet lulus buka bandar digital media**

KUALA LUMPUR: Kabinet meluluskan penubuhan bandar digital media di kawasan seluas 5.6 hektar di Angkasapuri, kata Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Datuk Seri Dr Rais Yatim. Beliau berkata, projek itu sedang dirancang dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi membolehkan ia mempunyai kemudahan media, siaran televisyen dan radio terbaik di negara ini. "Projek ini membabitkan kerjasama sektor awam dan swasta, malah perjanjian akhir mengenainya akan diselesaikan dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi. "Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan rakan media lain diharap akan menjadi satu golongan pembekal perkhidmatan digital terulung di rantau ini menjelang 2015. "Selain itu, kita ingin mewujudkan kumpulan yang boleh membekalkan kandungan kepada industri penyiaran dan digital dalam tempoh singkat," katanya selepas merasmikan Simposium Penyiaran Digital Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU) di sini, semalam. Hadir sama, Setiausaha Agung ABU, Javad Mottaghi dan Timbalan Ketua Pengarah RTM, Datuk Norhayati Ismail.

Program yang bertemakan 'Adding the 3rd Dimension' bermula kelmarin hingga esok bertujuan berkongsi kemajuan dan rekaan baru terutama dalam bidang televisyen digital dan radio. Dr Rais berkata, simposium itu berjaya menghasilkan beberapa pencapaian dengan satu daripadanya membabitkan teknologi persembahan tiga dimensi (3D). "Kita sudah meminta RTM melihat perkembangan teknologi ini untuk dinilai dan jika perlu dibekalkan kepada pelbagai pihak bagi menjadikan Malaysia sebagai pembekal perkhidmatan digital," katanya.

**Kaji kos MRT** - DAP meminta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU) mengkaji semula pelaksanaan Projek Aliran Transit Massa (MRT) Lembah Klang yang kosnya didakwa mencecah RM53 bilion. Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, berkata kajian semula penting bagi memastikan pelaksanaannya tidak melepassi kos asal RM36.6 bilion. "Kami tidak membantah pelaksanaan projek ini, tapi kami mahu pelaksanaan projek itu dilaksana secara berhemah," katanya.

### **Kerajaan negeri mohon 1,931 projek**

KERAJAAN negeri sudah memohon 1,931 projek daripada kerajaan Pusat untuk dilaksanakan di seluruh Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka sehingga kini, kata Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Latiff Tamby Chik. Beliau berkata, daripada jumlah itu, 379 projek diluluskan pada Januari lalu, membabitkan nilai sebanyak RM15.4 juta. "Misalnya, bagi kawasan DUN Merlimau, antara projek yang dilaksanakan bermula 21 Januari hingga 5 Mac lalu, bagi menaik taraf jalan bernilai RM3.6 juta, manakala pembaikan longkang berjumlah RM1.5 juta. "Selain itu, kita membina jambatan bernilai RM250,000 membabitkan enam projek, pembinaan dan penyelenggaraan balai raya serta dewan berjumlah RM1.3 juta (20 projek), masjid dan surau berjumlah RM388,000 (11 projek). "Projek lain pula bernilai RM355,000 membabitkan 10 projek. Kos keseluruhan semua projek ini bernilai RM7.7 juta," katanya ketika menjawab soalan Tey Kok Kiew (DAP-Banda Hilir) yang bertanyakan projek dan kerja menaik taraf yang dijalankan di DUN Merlimau bermula 21 Januari hingga 5 Mac lalu. Latiff yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas berkata, semua projek berkenaan dibiayai Pusat dan kerajaan negeri.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 11 Mac, 2011

### **Urus niaga ekonomi ikut IMF**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam menegaskan urus niaga ekonomi dan kewangan Malaysia dengan dunia luar dilaksanakan dalam perangkaan imbalan pembayaran yang disusun berdasarkan metodologi saranan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Perdana Menteri juga berkata, memandangkan jumlah urus niaga yang amat besar dengan dunia luar, di samping ketiadaan data untuk barangan tertentu akibat kesalahan perangkaan atau pindahan dana tidak direkodkan, maka akan ada kesalahan dan ketinggalan (E&O) dalam imbalan pembayaran. "E&O Malaysia mencatat aliran keluar sebanyak RM135.3 bilion (bersamaan AS\$37.9 bilion) bagi tempoh 2000 hingga 2009. Jumlah E&O ini kurang dua peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia dan dalam lingkungan lima peratus daripada jumlah perdagangan mengikut standard yang diterima.

"Selain percanggahan perangkaan yang benar-benar berlaku, E&O juga mungkin mencerminkan aliran kewangan tidak direkodkan menerusi saluran tidak formal yang mungkin termasuk dana berpunca daripada aktiviti haram," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) di Dewan Rakyat, semalam. Lim meminta Menteri Kewangan menyatakan langkah kerajaan mengenai laporan Integriti Kewangan Sedunia (GFI) bahawa Malaysia mengalami aliran keluar kewangan haram dalam lingkungan RM888 bilion yang disebabkan oleh rasuah dan salah urus antara 2000 hingga 2008. Menyedari jumlah aliran keluar dana tidak direkodkan semakin meningkat, Najib berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) sudah menjalankan siasatan mengenai pindahan dana secara haram yang dilakukan penggurup wang. Sehingga kini, 50 lesen penggurup wang dibatalkan dan lapan penggurup wang serta pengarahnya didakwa di mahkamah dan didapati bersalah. Najib berkata, kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk berkongsi hasil risikan serta bukti bagi transaksi merentas sempadan juga dipertingkatkan.

"Beberapa rakan sejawat asing bekerjasama dalam pengawasan dan tindakan bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi menjejaki destinasi akhir dana haram berkenaan. Pada masa sama, kerajaan menubuhkan pasukan petugas peringkat tertinggi untuk terus menyiasat perkara itu. "Sementara itu, rangka tindakan dan rangka kerja undang-undang baru bagi industri penggurup dan pengiriman wang akan dilaksanakan tahun ini untuk memupuk pembangunan industri yang kukuh, menggalakkan standard tadbir urus dan amalan profesional yang baik untuk melindungi integriti industri," katanya. Dalam pada itu, Najib berkata, Malaysia mempunyai ekonomi terbuka dan sistem kewangan sangat liberal dengan sektor perniagaan dan isi rumah di negara ini secara rutin dapat menjalankan pelbagai urus niaga merentas sempadan. Beliau berkata, jumlah perdagangan Malaysia tahun lalu ialah RM1.17 trilion atau AS\$363.5 bilion, bersamaan 153 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 11 Mac, 2011

### Kerajaan tidak salur, urus Dana Belia

DATUK Seri Najib Razak berkata, Dana Belia 1 Malaysia peruntukan daripada 1 Malaysia Development Berhad bagi menyediakan platform untuk menggalak pembangunan dan perpaduan di kalangan belia di negara ini. Perdana Menteri berkata, dana itu bukan dikendalikan kerajaan dan keputusan untuk menyalurkan dana ke sesuatu projek akan dibuat oleh panel penilai. "Mana-mana pihak yang berminat untuk memohon dana perlu membuat permohonan secara terus kepada sekretariat Dana Belia melalui dalam talian atau pos. "Panel penilai akan memproses setiap permohonan dan membuat penilaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Ahli Parlimen Batu Gajah, Fong Po Kuan di Parlimen semalam. Po Kuan ingin mendapat penjelasan lanjut sama ada dana itu boleh disalurkan untuk Kempen Perlembagaanku yang dianjurkan Majlis Peguam. Najib melancarkan **Dana Belia 1 Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM20 juta** pada 21 Januari lalu bagi membolehkan golongan belia menghasilkan sesuatu yang kreatif untuk pembangunan masyarakat.

**Rakyat perlu sokong usaha kerajaan kekal pertumbuhan ekonomi**

RAKYAT meletakkan keyakinan penuh pada kebijaksanaan Datuk Seri Najib Razak yang komited mahu memastikan ekonomi negara berkembang sekurang-kurangnya lima hingga enam peratus tahun ini. Walaupun ekonomi dunia dijangka berdepan risiko baru akibat kenaikan harga minyak global, kerajaan yakin pertumbuhan itu dapat dicapai. Keyakinan itu berasaskan keupayaan Perdana Menteri sebelum ini merangka pelan drastik mengawal kesan krisis ekonomi 2009 melalui pakej rangsangan ekonomi, di samping penyediaan Bajet 2010 yang mantap. Sebagai Menteri Kewangan, Najib berjaya mengesani krisis ekonomi global tahun ini susulan harga minyak mentah di pasaran New York kekal pada paras tertinggi dalam tempoh lebih dua tahun, iaitu AS\$104 satu tong kelmarin. Minyak menjadi sumber utama menggerakkan ekonomi dunia. Pengeluarannya dilaporkan terjejas berikutan krisis antikerajaan di Libya. Berikutan pertumbuhan ekonomi global lebih perlahan tahun ini kesan kenaikan harga minyak, dua aspek lain dikenal pasti risiko terbesar kepada ekonomi Malaysia ialah krisis hutang kedaulatan di beberapa negara Eropah dan kenaikan kadar inflasi berterusan yang memberi kesan kepada pengguna.

Perdana Menteri turut membayangkan defisit kerajaan dijangka meningkat, tertakluk jumlah pendapatan kerajaan berbanding kadar peningkatan subsidi petrol dan diesel yang menuntut penambahan peruntukan mencecah RM4 bilion menjadikan keseluruhan subsidi kerajaan boleh mencecah RM14 bilion. Berikutan kesan ekonomi ini akan dirasai segenap lapisan rakyat, maka kita patut menyokong usaha kerajaan serta sektor swasta memacu dan memperkasa ekonomi negara. Kita tidak boleh lari daripada hakikat kenaikan harga barang terutama petrol, diesel dan gas memasak yang lazimnya dijadikan alasan peniaga menaikkan harga bahan lain. Rakyat perlu rasional apabila kerajaan terpaksa melakukan pelarasan harga barang subsidi, termasuk minyak. Mereka perlu menerima hakikat tekanan global menyebabkan krisis ekonomi dan bekalan bahan mentah di seluruh dunia dan memberi kesan kepada kehidupan seharian kita.

Ketika kerajaan merangka pelan dan melaksanakan tindakan bagi menyerap kesan risiko baru ekonomi ini, rakyat sewajarnya menolak dakyah pihak oportunist yang memutarbelit serta mempolitikkan senario ini. Bagi memastikan rakyat sentiasa maklum kedudukan sebenar ekonomi domestik, serantau dan global, penyampaian maklumat kepada orang ramai mesti dilakukan secara meluas. Pimpinan parti dan agensi berkaitan mesti dibekalkan maklumat yang mudah difahami supaya dapat disalurkan kepada rakyat. Semua agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mesti digerakkan bagi menyebar maklumat berkaitan supaya orang ramai boleh menerima dan memahami isu yang timbul. Pastinya, elemen mendorong perkembangan suasana kondusif untuk komuniti perniagaan akan diberikan keutamaan. Selain itu, langkah mengekalkan permintaan domestik dengan mengurangkan import, memperhebatkan misi meneroka pasaran baru, melakukan inventori dan mengeluarkan produk baru serta menggalakkan lebih banyak pelaburan asing mesti dilakukan lebih agresif. Kita yakin pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh kerajaan ketika ini turut menyumbang kepada peningkatan permintaan domestik. Urus tadbir yang baik dan berhemah meliputi komitmen menjimatkan kos pengurusan, operasi serta mempertingkatkan kecekapan seluruh jentera awam juga wajar diberi perhatian kerana ia memberi kesan kepada usaha kerajaan menjimatkan perbelanjaan, sekali gus meningkatkan hasil daripada pendapatan cukai.

**RM7 juta selesai isu tangki bocor**

PETALING JAYA: **Peruntukan RM7 juta** yang diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan disalurkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) minggu ini melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menyelesaikan masalah tangki bocor yang menghantui Flet Taman Medan Cahaya, di sini, sejak tahun lalu. Peruntukan yang diterima itu akan disusun serta diuruskan sebelum satu tindakan menyeluruh bagi pembaikan serta pemulihan kerosakan yang berlaku di flet itu. Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh, berkata pihaknya akan terus melakukan proses penyelenggaraan dan baik pulih ke atas segala kerosakan secepat mungkin selepas mendapat peruntukan itu. "Sebelum ini, kami sudah bertindak tetapi kontraktor yang diupah hanya boleh menjalankan pembaikan terhadap tangki air satu persatu dan tidak mampu untuk membaikinya serentak," katanya kepada Sentral ketika mengadakan tinjauan di flet itu, semalam. Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan Sentral Selasa lalu mengenai keluhan penduduk berhubung masalah tangki air bocor yang turut menyebabkan kerosakan lif di flet itu sejak tahun lalu. Turut hadir memantau keadaan flet itu, Timbalan Ketua Bahagian UMNO Petaling Jaya Selatan (PJS), Datuk Yahya Hamzah. Kamarul berkata, SPNB akan memulakan proses pembaikan dan pihaknya berharap penduduk memberi masa dan kerjasama bagi mempercepatkan proses itu.

"Perkara ini mengambil masa dan tidak boleh diselesaikan serentak tetapi dengan adanya peruntukan ini, kami akan mengupah lebih banyak kontraktor kelas F bagi mempercepatkan proses pembaikan tangki itu dan kita berharap penduduk bersabar menunggu ia disiapkan. "Kami juga akan cuba menempatkan lebih ramai pegawai pemantau di flet ini dan semua kawasan perumahan lain supaya proses pemantauan dapat dijalankan dengan lebih efektif," katanya. Kamarul berkata, SPNB mahu menjadi pemaju bertanggungjawab dan menyarankan penduduk melaporkan masalah dan aduan membabitkan perumahan dan kerosakan kepada pihaknya secepat mungkin bagi tindakan selanjutnya. Penolong Pengurus Besar SPNB, Mustaffa Al Bakri Saidin, pula berkata SPNB tidak pernah mengabaikan penduduk flet itu kerana sebelum ini banyak masalah dilaporkan, berjaya diselesaikan.

**610 rumah PPRT dibina sehingga Februari**

KERAJAAN negeri sudah membina dan membaiki 610 rumah **Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)** di **Melaka dengan kos membabitkan RM5.4 juta** sehingga Februari lalu. Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Md Yunos Husin, berkata sebanyak 302 unit rumah lagi belum dimulakan pembinaan. "Sebanyak 912 unit rumah PPRT sudah diluluskan kerajaan negeri untuk dibina pada 2010, dengan 269 rumah dibina baru membabitkan kos RM4.5 juta, manakala 643 rumah dibaiki semula dengan kos RM4.8 juta," katanya. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ar Ismail Othman (BN-Kuala Linggi) mengenai projek PPRT yang belum dibina dan diluluskan oleh kerajaan negeri pada 2010.

Menjawab soalan mengenai agensi yang mengendalikan pembinaan rumah terbabit, Md Yunos yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek berkata, untuk Program Bantuan Rumah (PBR), ia dikendalikan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), manakala PPRT dikendalikan oleh Unit Pembangunan Desa, Jabatan Ketua Menteri Melaka. "Fungsi kedua-dua agensi ini antara lain bertujuan membantu rakyat termiskin di negeri ini supaya keluar dari garis kemiskinan. "Selain itu, Risda juga adalah satu daripada agensi KKLW yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek pembinaan rumah berkenaan," katanya. Menjawab soalan tambahan Ismail mengenai syarat permohonan untuk projek PPRT, Md Yunos berkata, antara syarat adalah pemohon berumur lebih 40 tahun, tidak berkemampuan dari segi pendapatan, tidak mempunyai pendapatan tetap iaitu di bawah garis kemiskinan, mempunyai tanah sendiri atau diberi kebenaran pemilik tanah untuk membina rumah selain mempunyai anak yang ramai. "Untuk maklumat, kelulusan adalah berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh penghulu kawasan dan keperluan pemohon, sebelum diluluskan oleh kerajaan negeri," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Sabtu, 12 Mac, 2011

### Kos projek sambungan LRT kekal

KOS pembangunan projek sambungan baru sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya dan Ampang dijangka tidak meningkat melebihi anggaran awal RM7 bilion di sebalik kenaikan harga bahan binaan dan minyak mentah global ketika ini. Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB), berkata anggaran perbelanjaan itu masih mencukupi untuk menyiapkan laluan baru 34.7 kilometer itu yang dijadualkan beroperasi pertengahan 2014, membabitkan pembinaan laluan trek, stesen, pengujian sistem dan tren. Firma dipertanggungjawabkan kerajaan bagi melaksanakan projek berskala besar itu setakat ini sudah mengumpul modal RM2 bilion menerusi terbitan bon, manakala bakinya dijana menerusi kaedah sama pada tahun depan. Difahamkan, SPNB juga memerlukan modal berasingan RM3 bilion untuk membangunkan infrastruktur seperti bas dan sebagainya apabila projek itu siap kelak. Ia bagi menyediakan perkhidmatan laluan sokongan dalam menyepadan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang itu. Projek sambungan baru LRT itu membabitkan dua pakej pembinaan iaitu pakej A bernilai RM1.6 bilion menerusi penyertaan usaha sama Bina Puri Holdings Bhd dan Tim Sekata yang akan melaksanakan projek di aliran Ampang manakala TRC Synergy Bhd, menerusi anak syarikat Trans Resources Sdn Bhd memperoleh mandat bagi laluan Kelana Jaya.

Sementara itu, permohonan tender bagi menyiapkan kemudahan di pakej B sepanjang 18.1 kilometer bagi kedua-dua laluan yang bercantum di stesen Putra Heights, ditutup Isnin ini. Pengarah Bahagian Pembangunan Projek Kumpulan SPNB, Zulkifli Mohd Yusoff, berkata proses pembinaan laluan sambungan baru itu dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu kerja asas, kemudahan dan sistem. "Bagi aliran Kelana Jaya, kemajuan kerja asas sekitar 15 peratus, manakala aliran Ampang pula 20 peratus sudah disiapkan," katanya pada taklimat media perkembangan terkini projek sambungan LRT Lembah Klang di Kuala Lumpur, semalam. Bagi komponen kemudahan pula, Zulkifli berkata, SPNB memulakan kerja pembinaannya akhir bulan ini. Kerja kemudahan membabitkan pembinaan komponen seperti laluan petunjuk, tiang penopang dan stesen, acuan besi serta gelegar kotak bersegmen kedua-dua aliran. Zulkifli berkata, SPNB menyediakan 35 tren baru bagi aliran Kelana Jaya dan 20 tren bagi aliran Ampang. "Kos tren baru bagi aliran Kelana Jaya kira-kira RM1.2 bilion, manakala Ampang pula lebih tinggi sedikit disebabkan laluan bawah tanah," katanya.

**Syor kajian penuh projek MRT**

KUALA LUMPUR: Kebanyakan pengguna pengangkutan awam di ibu kota mahu pihak terbabit membuat kajian menyeluruh sebelum melaksanakan projek Aliran Transit Massa (MRT) laluan Sungai Buloh - Kajang. Tinjauan Berita Harian pada hari pertama pameran itu di Stesen LRT Bangsar dan Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini, mendapati mereka menyokong usaha murni itu tetapi mahu ia benar-benar berkesan apabila dilaksanakan kelak. Pekerja swasta, Mohd Faisal Zainudin, 33, berkata pelaksanaan projek ini memerlukan kajian terperinci bagi mengelakkannya menjadi projek `gajah putih'. "Bagi mengelak pembaziran, kajian terperinci perlu dilakukan kerana kita sudah mempunyai perkhidmatan sama dan jika dinaik taraf mungkin tidak menelan belanja besar," katanya.

Projek bertujuan memberi perkhidmatan berkesan kepada 1.2 juta penduduk sekitar Lembah Klang itu dikawal selia Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan bakal menawar ribuan peluang pekerjaan selepas dijangka siap pada 2016. Sementara itu, kakitangan Hospital Kuala Lumpur (HKL), Chi Nah Seng, 53, berkata projek berkenaan perlu diselaras dengan pengangkutan awam lain seperti menyediakan perkhidmatan bas antara stesen MRT ke kawasan kediaman dengan lebih kerap. Pelajar institusi pengajian tinggi swasta, K Dinesh, 21, berharap apabila dilaksanakan nanti, syarikat pengendali MRT berkenaan perlu memastikan tambang dikenakan berpatutan supaya tidak membebankan pengguna. Pameran yang dilancarkan SPAD di Midvalley baru-baru ini, turut membuka pameran di lima lokasi lain iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), dan pejabat SPAD di Menara Dayabumi. Pameran yang bertujuan mengumpul pendapat umum mengenai projek ini akan berakhir Mei ini dan hanya dibuka pada hari bekerja bermula jam 9 pagi hingga 5 petang. Orang ramai juga boleh melayari laman web, feedback@kvmrt.com.my. atau menghubungi 1800-82-6868.

**Malaysia diminta batal bina loji nuklear**

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta membatalkan rancangan membina loji nuklear untuk menjana tenaga elektrik di negara ini berikutan ia memberi kesan buruk sekiranya berlaku kebocoran seperti di Jepun. Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, berkata kejadian yang berlaku di Jepun sepatutnya menjadi peringatan kepada Malaysia mengenai ancaman radiasi sekiranya rancangan itu diteruskan. "Jepun sebuah negara yang mempunyai piawaian keselamatan tertinggi dan berpengalaman selama 60 tahun dalam kuasa nuklear. "Gempa bumi baru-baru ini menyebabkan kebocoran loji nuklear mereka sehingga memaksa Jepun memindahkan beribu-ribu rakyatnya ke kawasan selamat," katanya pada sidang media di lobi Parlimen di sini, semalam. Santiago berkata, radiasi nuklear memberi kesan negatif terhadap manusia dan alam sekitar. "Pembinaan loji nuklear itu bukan hanya membabitkan belanja berbilion ringgit, tetapi kira-kira 20 kilometer kawasan sekitar kilang itu tidak boleh didiami manusia," katanya.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata kerajaan perlu memikirkan semula sama ada pembinaan loji nuklear di negara ini benar-benar diperlukan berdasarkan hakikat, lebih-lebih lagi pembinaan loji berkenaan di pesisir pantai sentiasa mempunyai risiko tinggi. "Walaupun kita tidak mempunyai gempa bumi dan banjir yang buruk, mana-mana loji nuklear yang dibina di kawasan pesisir pantai masih dianggap bahaya. Akan tetapi loji nuklear memerlukan bekalan air yang banyak. Jadi kerajaan perlu mengkaji semula perkara ini. "Kami sudah mengadakan perbincangan mengenai cadangan pembinaan loji nuklear ini dalam Majlis Ekonomi kira-kira satu setengah bulan yang lalu. Saya fikir semua pihak kini berasa bimbang. Bagaimanapun, kerajaan belum memutuskan perkara itu atau menetapkan lokasi pembinaan," katanya selepas majlis ulang tahun ke-75 syarikat George Kent, di ibu negara, semalam.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 15 Mac, 2011

### **PM ajak rakyat laksana Program Transformasi Kerajaan**

ACAP kali Datuk Seri Najib Razak menyebut mengenai kualiti, integriti dan kepuasan kerja dalam perkhidmatan awam sama ada ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau majlis rasmi lain. Terbaru, Perdana Menteri menekankan supaya penjawat awam membudayakan perkhidmatan cemerlang dalam apa juga perkhidmatan untuk memberi kebaikan kepada rakyat. Mereka juga patutnya mencari kepuasan dalam bekerja dan bukan mementingkan pulangan material semata-mata. "Ketika bekerja, kita seharusnya menekankan kepada sumbangan yang diberikan kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Inilah kepuasan yang paling abadi kepada diri kita apabila khidmat bakti kita membawa kepada kebaikan, lebih-lebih lagi ia selaras dengan konsep ibadat dalam Islam," katanya ketika meraikan pesara pegawai dan kakitangan Perbendaharaan di Putrajaya, baru-baru ini. Apa yang diperkatakan Najib adalah sesuatu yang dituntut dalam perkhidmatan awam apabila kerajaan memperkenalkan banyak pendekatan mapan antaranya Manual Prosedur Kerja (MPK), Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KM), Pendekatan Sistem 5S, penghayatan dan membudayakan kualiti ISO serta terkini Program Transformasi Kerajaan (GTP). Kita sedia maklum Malaysia sedang menuju untuk menjadi sebuah negara maju melalui Wawasan 2020 seiring negara maju lain.

Usaha itu perlu digarap dan dilakukan secara serius serta bersinergi kerana kita hanya ada sembilan tahun lagi dan tempoh itu tidak lama. Perjalanan yang kita lalui masa kini dan masa akan datang semakin sukar serta mencabar. Maknanya, suka atau tidak, kita perlu hadapi banyak cabaran sama ada dalaman negara atau globalisasi. Misalnya, cabaran ekonomi, terutama kebangkitan China sebagai gergasi baru ekonomi dunia yang sedang bersaing dengan Amerika Syarikat, negara Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun banyak merubah landskap serta pola ekonomi dunia kini. China menjadi cabaran kepada negara berpengaruh dikenali 3G sekali gus menjadikan ekonomi dunia masa kini sukar untuk diramalkan. Kita juga tidak boleh memandang ringan kemampuan ekonomi negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Selain itu, kita mesti selari dengan perkembangan teknologi internet yang semakin pesat. Masyarakat dunia sentiasa melakukan inovasi dan kreativiti dalam teknologi media maya ini. Kepesatan teknologi ini memberi kesan sosio-ekonomi kita. Bencana alam seperti tsunami baru melanda Jepun, Jumaat lalu dan pernah Aceh, Indonesia dan kepulauan di Lautan Hindi turut menjelaskan ekonomi dunia. Selain itu peperangan, revolusi, tentangan dan kebangkitan rakyat serta apa saja situasi di negara lain pasti memberi tempias kepada ekonomi, keharmonian dan keamanan manusia sejagat, termasuk Malaysia.

Cabaran itu memberi kesan kepada usaha kita ke arah menjayakan Wawasan 2020. Najib sering menyeru kita terutama warga pekerja sektor awam mahupun swasta supaya memperkuuh lagi daya saing dengan semangat kental untuk terus mara menyelesaikan cabaran tadi. Antara yang beliau tekankan ialah GTP. GTP strategi ampuh yang digarap secara teliti meliputi objektif, keberhasilan dan tindakan berlandaskan konsep 1 Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Konsep dan pendekatan holistik serta murni ini mencakupi semua keperluan negara dan rakyat dengan mengambil kira bahawa setiap individu di negara ini akan mendapat manfaat. Bagaimanapun, GTP tidak dapat dijayakan sekiranya rakyat khususnya pada peringkat Anggota Pentadbiran sendiri atau Anggota Perkhidmatan mahupun di peringkat swasta kerana kita adalah pelaksana kepada yang tidak memahami, menghayati untuk merealisasikan objektif konsep berkenaan. Justeru, Najib sentiasa menyeru supaya GTP yang didokumenkan itu bukan saja untuk dibaca atau disimpan di perpustakaan sebaliknya aspirasi terkandung di dalamnya difahami dan dihayati ejen pelaksana termasuk anggota pentadbiran, perkhidmatan kerajaan atau separa kerajaan, sektor swasta serta masyarakat. Selain itu, generasi muda perlu memahami GTP kerana mereka bakal mengambil alih kepemimpinan negara masa depan. Rakyat biasa juga tidak terkecuali kerana GTP digubal berlandaskan konsep keadilan dan kesamarataan. Ia lebih fokus dan telus untuk memacu pembangunan sekali gus menggerakkan enjin perubahan dalam pelaksanaan dari segi sistem mahupun penyampaian keberhasilan kepada rakyat dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

Rakyat perlu faham GTP akan menambah baik dan memperkembangkan lagi struktur ekonomi negara ke sektor yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi. Pada masa sama untuk melaksanakan satu model sistem penyampaian yang lebih berinovatif dan berteraskan pelanggan yang akan membawa lebih kesejahteraan kepada rakyat. Justeru GTP harus difahami dan aspirasinya dihayati setiap individu. Dengan membudayakan GTP, Najib yakin hasrat Malaysia menjadi negara maju akan tercapai dengan lebih cepat lagi. Perdana Menteri juga sering menekankan semua ejen pelaksana memberi komitmen tinggi dan bersungguh memastikan pelaksanaan GTP berjalan lancar. Komitmen dan kesungguhan ini dapat diterjemahkan melalui pembaharuan serta perubahan terhadap ejen pembangunan secara berganda dan tidak berdikit-dikit tanpa mengetepikan agenda keadilan sosial. Komitmen dan kesungguhan juga digambarkan dengan mengemas kini semua peraturan dan proses kerja yang tidak relevan dengan kehendak masa kini. Peraturan dan proses kerja yang lapuk bukan saja melambatkan urusan malah mengundang gejala negatif seperti rasuah yang kemudian menjelaskan kepercayaan rakyat kepada pihak tertentu. Semua ini jika kita tidak bersungguh-sungguh mengatasinya akan menjadi batu penghalang kepada kelancaran pelaksanaan GTP dan hasrat Malaysia menjadi negara maju terjejas.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 15 Mac, 2011

### **EPU kaji penggunaan tram atasi kesesakan**

A YER KEROH: Kerajaan negeri dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan kajian berhubung penggunaan tram di negeri ini. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Gan Tian Loo, berkata usaha itu bagi mengatasi masalah kesesakan di Bandaraya Melaka yang semakin teruk terutama pada musim cuti atau hujung minggu. "Kita kenal pasti punca utama kesesakan lalu lintas di pusat bandar disebabkan kemasukan kenderaan persendirian yang tinggi dan keupayaan jalan sedia ada tidak mampu menampung jumlah kemasukan kenderaan yang banyak pada satu-satu masa.

"Kajian sudah bermula pada 15 Jun tahun lalu dan disiapkan pada Disember tahun lalu dengan penekanan diberikan kepada keupayaan dan kemungkinan penyediaan kemudahan awam di negeri Melaka," katanya. Pada 19 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan projek pembinaan tram Melaka, iaitu yang pertama di dunia menggunakan gas cecair asli (NGV). Projek membabitkan kos kira-kira RM272 juta itu adalah yang pertama di negara ini dan dijadualkan siap pembinaannya pada Mei 2012. Ia dibangunkan secara usaha sama antara MRails dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI), iaitu sayap pelaburan kerajaan negeri. Gan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong berkata, antara skop yang dilihat dalam kajian terbabit membabitkan sistem pengangkutan sedia, kejuruteraan sivil dan struktur, kejuruteraan bangunan dan rel, jenis tram yang akan digunakan serta aspek pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 16 Mac, 2011

### Pemohon Dana Belia 1 Malaysia tak penuhi syarat

KUALA LUMPUR: Yayasan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) terpaksa menolak lebih separuh daripada 400 permohonan belia atau usahawan muda untuk mendapatkan Dana Belia 1 Malaysia kerana tidak menepati kriteria ditetapkan. Kebanyakan pemohon tidak memahami tujuan dana diwujudkan dan menganggapnya seperti pinjaman atau bantuan kewangan biasa yang ditawarkan kerajaan kepada belia atau usahawan untuk memulakan projek dan perniagaan. Pengarah Tanggungjawab Sosial Korporat 1MDB, Dennis See, berkata dana itu disediakan kepada belia berumur 15 hingga 40 tahun sebagai platform untuk mereka melahirkan harapan, idea dan kreativiti menerusi projek diilhamkan dan pada masa sama, membantu mempromosi perpaduan. Katanya, 1MDB terpaksa menapis setiap permohonan dengan ketat kerana ada permohonan dikemukakan tidak memenuhi kriteria, selain tidak sesuai untuk dipertimbangkan bagi mene-rima dana berkenaan. Beliau mengakui, ada juga permohonan diterima itu selari dengan kriteria ditetapkan tetapi ia kurang berkualiti atau tidak mampu mencapai tahap diperlukan 1MDB.

"Ada pemohon meminta dana RM20 juta kerana mahu memulakan perniagaan tetapi ia langsung tidak memenuhi kriteria ditetapkan iaitu tidak mempromosikan perpaduan atau memberi manfaat kepada rakyat. "Bagaimanapun, selepas beberapa tapisan, kami memilih enam permohonan yang sesuai menerima dana ini kerana memenuhi kriteria," katanya kepada pemberita selepas majlis memperkenalkan enam individu pertama menerima Dana Belia 1Malaysia di sini, semalam. Mereka ialah Kevin Zahri Abdul Gaffar (membangun laman web sukan), Koh Kang Boon (filem antimerokok), Nasrul Amri Samsudin (aplikasi komputer untuk usahawan), Sharifah Nur Fardillah Wan Saufi (menyedia laman web pendidikan khas untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia), Site Rohanie Ramli (kursus kecantikan dan jahitan) dan E Thayalan (peraduan fotografi). 1MDB memperuntukkan RM710,000 kepada enam penerima terbabit dengan setiap individu menerima dana antara RM80,000 hingga RM150,000 bergantung kepada saiz projek. Dennis berkata, pemilihan enam projek itu kerana semuanya dilihat mampu bergerak sendiri untuk dilaksanakan dan mencipta banyak peluang kepada belia menyalurkan keupayaan mereka ke arah positif dan produktif.

**Kerajaan negeri belanja lebih RM600,000**

AYER KEROH: Kerajaan negeri membelanjakan lebih RM600,00 bagi menghantar semula 322 pelajar kelahiran Melaka yang menuntut di Mesir untuk kembali meneruskan pengajian ke negara itu, sejak minggu lalu. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM2,000 bagi setiap seorang pelajar terbabit khusus bagi pembiayaan tiket mereka menerusi syarikat penerbangan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Katanya, kumpulan pelajar pertama membabitkan 111 orang sudah berlepas minggu lalu, manakala kumpulan kedua seramai 104 orang dijadual berangkat pada Rabu ini dan kumpulan ketiga empat hari selepas itu. "Setakat ini, kerajaan negeri membelanjakan RM215,000 bagi penghantaran balik 215 pelajar termasuk bagi penerbangan Rabu ini," katanya selepas majlis penyampaian tiket penerbangan kepada 104 pelajar terbabit di Auditorium Seri Negeri, di sini, semalam.

Mohd Ali berkata, sebagai tanda prihatin dengan nasib semua pelajar terbabit, kerajaan negeri menerusi Yayasan Melaka turut menyediakan pengangkutan kepada mereka untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Katanya, bagi memudahkan urusan semua pelajar sepanjang berada di negara berkenaan, Ikatan Mahasiswa Mesir Melaka (IMMM) iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) akan membantu mereka. "Selain itu, kerajaan negeri juga menyediakan kemudahan tempat tinggal menerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) iaitu Rumah Seri Melaka. Pelajar yang menetap di sana hanya perlu membayar sewa RM50 sebulan," katanya. Sementara itu, seorang pelajar terbabit, Mohd Khairudin Sabtu, 26, mengakui berasa lega dengan kesudian kerajaan negeri membantu membiayai tiket penerbangan pulang ke Mesir. "Bantuan yang diberikan ini meringankan beban keluarga untuk menghantar saya semula ke sana," katanya. Norhafiza Abd Rahman, 20, pula mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana membantu membiayai perbelanjaan pulang beliau dan rakannya yang lain ke Mesir. "Saya tidak sabar untuk pulang ke sana Rabu ini dan sangat gembira kerana mendapat bantuan yang sangat diperlukan," katanya.

**RM6.1 juta sebulan untuk golongan miskin**

MERLIMAU: Bagi memastikan kebajikan rakyat terus terbela, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka memperuntukkan kira-kira RM6.1 juta sebulan untuk disalurkan kepada masyarakat yang memerlukan. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Heng Seai Kei, berkata agihan itu disalurkan mengikut keperluan penerima yang sehingga kini direkodkan 23,258 orang membabitkan warga tua, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan mereka yang sakit terlantar. "Di Melaka, JKM menyalurkan bantuan kepada mereka yang layak membabitkan peruntukan RM73.6 juta pada 2010. "Seramai 5,419 penerima bantuan di negeri ini membabitkan penduduk di daerah Jasin dan 1,049 penerima bantuan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau. "Bagi daerah Jasin pula, kita menyalurkan bantuan sebanyak RM16.6 juta pada 2010, manakala RM3 juta pula disalurkan kepada penerima di DUN Merlimau," katanya selepas menghadiri majlis Hari Bersama Pelanggan dan Kempen Pendaftaran OKU peringkat negeri di perkarangan pejabat JKM Daerah Jasin, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Seai Kei turut menyampaikan bantuan kebaikan kepada OKU dan warga tua seperti alat bantuan pendengaran dan sokongan bergerak. Hadir sama, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Perpaduan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Hasan Abdul Rahman dan Pengarah JKM negeri, Daud Arbah. Mengulas perkembangan OKU di Melaka, Seai Kei berkata, sehingga kini 12,373 golongan itu berdaftar sehingga Januari lalu. "Angka ini masih kecil berbanding ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang men

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 16 Mac, 2011

### Projek TIR Pulau Jerejak tidak rugi: Nur Jazlan

BUTTERWORTH: Kerajaan DAP Pulau Pinang diminta menghentikan tuduhan kononnya wujud skandal berhubung projek pembangunan dan pengurusan Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIR) di Pulau Jerejak yang didakwa menyebabkan menyebabkan kerugian RM30 juta. Pengerusi UDA Holdings Berhad, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata tidak wujud skandal atau kerugian dalam projek itu seperti didakwa, sebaliknya apa yang berlaku adalah susut nilai modal. "Dari dulu saya katakan tidak wujud skandal dalam projek itu, tetapi kenapa kerajaan negeri masih memainkan isu itu? **Lagipun, Jabatan Audit Negara sedang melakukan siasatan bagi meneliti sama ada berlaku penyelewengan.**" Tunggulah pengumuman mengenai siasatan itu dulu. Kalau mereka (Jabatan Audit Negara) umum tiada penyelewengan, malu mereka (kerajaan DAP Pulau Pinang) nanti," katanya kepada Berita Harian. Beliau diminta mengulas tindakan Kerajaan Pulau Pinang mengeluarkan risalah bertajuk 'Rakyat Rugi RM30 juta - Koh Tsu Koon Perlu Jawab Skandal Pulau Jerejak' sehingga mengelirukan rakyat kerana tidak berdasarkan fakta yang betul.

Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang menyifatkan tindakan itu sebagai satu skandal terbesar kerajaan negeri dan salah guna kuasa oleh Ketua Menteri, Lim Guan Eng kerana menggunakan wang rakyat untuk meraih keuntungan politik. Januari lalu, Guan Eng mendakwa berlaku skandal dalam pemberian tanah seluas 32 hektar di Pulau Jerejak kepada UDA Holdings ketika pentadbiran BN yang menyebabkan kerugian kepada rakyat sebanyak RM30 juta. Kerugian itu dirujuk kepada pelaburan agensi kerajaan negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam TIR sebanyak RM15.435 juta dan pinjaman RM3.6 juta serta premium tanah RM10.6 juta yang belum dijelaskan kepada kerajaan negeri. TIR adalah syarikat usaha sama UDA Holdings dan PDC dengan pegangan ekuiti masing-masing 51 peratus dan 49 peratus. Pembangunan dicadangkan dalam empat fasa, tetapi hanya fasa pertama dilaksanakan membabitkan pembinaan 13 chalet, bangunan yang mempunyai 52 bilik, tapak rekreasi, spa dan jeti yang siap pada Ogos 2003 dan beroperasi sejak Januari 2004.

**BERITA HARIAN**  
online

Khamis, 17 Mac, 2011

### Mutu khidmat bas Nadi Putra ditingkat

PUTRAJAYA: Perbadanan Putrajaya (PPj) melancarkan Sistem Pengurusan dan Kawalan Transit Awam Putrajaya (SPEKTRA), gabungan teknologi empat negara iaitu Malaysia, United Kingdom, Perancis dan Sepanyol, dalam usahanya meningkatkan tahap perkhidmatan bas Nadi Putra serta parkir awam di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Merangkumi empat komponen, iaitu sistem pengurusan bas, sistem maklumat bas, sistem tiket elektronik dan sistem tempat letak kereta automatik, pelaksanaan SPEKTRA yang membabitkan kos RM17 juta bertujuan memastikan waktu ketibaan dan pelepasan bas Nadi Putra lebih tepat mengikut jadual. Pada masa sama, SPEKTRA membolehkan penumpang memperoleh maklumat menerusi skrin plasma di Terminal Putrajaya Sentral, pejabat kerajaan dan melalui Small Variable Message Sign (SVMS) di perhentian bas yang terpilih. Setakat ini, 16 perhentian bas dipasang SVMS, manakala tujuh lagi paparan plasma dipasang di bangunan kerajaan dan komersial. Pengarah Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Abdul Ghani Ahmad, berkata pelaksanaan SPEKTRA adalah sejarah dengan peningkatan bilangan penumpang bas Nadi Putra yang ketara iaitu daripada 2,545,102 penumpang pada 2008 kepada 3,793,788 penumpang tahun lalu. Selain itu, katanya, ia berikutan peningkatan aduan mengenai perkhidmatan bas Nadi Putra.

Justeru, beliau berharap SPEKTRA mampu menjadikan perkhidmatan lebih dipercayai, lebih tepat, mengikut jadual dan lebih mesra pengguna. "Sistem ini sudah melalui proses percubaan sejak enam bulan lalu dan sehingga kini daripada 150 bas Nadi Putra yang sedia ada, sebanyak 115 bas sudah dilengkapi dengan sistem ini. "Justeru, PPj berharap lebih ramai penduduk Putrajaya khasnya akan menggunakan perkhidmatan bas Nadi Putra, kerana ia dapat mengurangkan pencemaran udara, kesesakan lalu lintas dan mengatasi masalah tempat meletak kenderaan yang terhad," katanya pada taklimat mengenai SPEKTRA sempena majlis pelancaran sistem itu di sini. Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin. Hadir sama, Presiden PPj, Tan Sri Samsudin Osman.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 18 Mac, 2011

### **PM bangga Cypark berjaya urus taman tenaga diperbaharui**

SEREMBAN: Perdana Menteri menyifatkan kejayaan syarikat Bumiputra, Cypark Resources Bhd (Cypark), mengubah pusat pelupusan sampah di Pajam dekat sini daripada kawasan berbau busuk dan kotor menjadi bukit hijau, sebagai kejayaan membanggakan. Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan empat tahun lalu mengenal pasti 16 pusat pelupusan sampah kritikal di seluruh negara yang perlu ditutup dengan selamat, bersih dan mesra alam. Katanya, Cypark melaksanakan tugas itu dengan cemerlang kerana melalui inovasi teknologi hasil program pembangunan dan penyelidikan (R&D), berjaya menutup pusat ini yang kini menghasilkan tenaga diperbaharui. "Sejak dulu, saya adalah penyokong kuat tenaga diperbaharui yang dapat memenuhi keperluan kilang dan rumah. "Hanya pada 8 Mac lalu, saya mengumumkan sembilan lagi Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi dengan antara projek dilaksanakan ialah Taman Tenaga Diperbaharui oleh Cypark," katanya ketika melancarkan Taman Tenaga Diperbaharui Bersepadu Cypark di sini, semalam. Hanya seminggu selepas pengumuman itu, Najib berkata, projek ini yang berskala komersial beroperasi sepenuhnya dan menghasilkan tenaga elektrik yang disambungkan dengan grid Tenaga Nasional Bhd (TNB). Katanya, projek di kawasan seluas 26 hektar ini berupaya menjana hingga 10 megawatt (Mw) tenaga bersih yang boleh membekalkan tenaga elektrik kepada 3,500 rumah. "Projek ini yang membabitkan pelaburan hampir RM100 juta dijangka menjana pendapatan kasar RM12 juta setahun atau hingga RM260 juta dalam tempoh 21 tahun akan datang, juga menjadi penanda aras di negara ini untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. "Inovasi Cypark memajukan Taman Tenaga Diperbaharui Bersepadu membuka peluang pekerjaan dalam teknologi hijau.

Projek ini saja menyediakan 100 pekerjaan ketika fasa pembangunan dan 20 pekerjaan lagi di peringkat operasi," katanya. Beliau berkata, projek ini juga mampu menjadi antara penyumbang utama usaha negara mengurangkan pengeluaran karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2020, sekali gus memenuhi janji dibuat ketika Persidangan Kerangka Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim ke-15 di Copenhagen pada Disember 2009. Selain itu, katanya, projek ini menunjukkan keupayaan rakyat negara ini yang berkemahiran tinggi dengan teknologi dihasilkan boleh diekspor ke negara jiran yang mempunyai masalah sama.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 18 Mac, 2011

### Kerajaan sedia tanggung kos bawa pulang rakyat kita

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersedia menanggung perbelanjaan membawa pulang seramai 293 rakyat Malaysia yang tinggal di empat kawasan terjejas teruk dalam kejadian gempa bumi dan tsunami di Jepun, Jumaat lalu. Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata empat kawasan terjejas itu ialah Fukushima seramai 39 orang, Iwate (29 orang), Miyagi (60 orang) dan Ibaraki (165 orang). Beliau berkata, setakat ini hanya 50 orang daripada mereka mengesahkan untuk pulang dan dijangka tiba di tanah air dalam masa dua hari lagi. "Mereka yang tinggal di kawasan selamat tidak akan ditanggung harga tiket pulang. Bagaimana sekiranya keadaan semakin meruncing sehingga memaksa membawa semua rakyat Malaysia keluar dari Jepun, kita akan mempertimbangkannya," katanya kepada media di lobi Parlimen di sini, semalam. Anifah turut nasihatnya rakyat Malaysia yang ingin pulang agar memaklumkan kepada Kedutaan Malaysia di Jepun sebelum berlepas bagi memastikan mereka dapat mengemas kini jumlah rakyat negara ini yang masih ada di sana.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga sudah berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) agar memberi keutamaan sebanyak 150 tempat duduk kepada rakyat Malaysia yang mahu pulang ke tanah air. Diminta mengulas kemungkinan mengeluarkan semua rakyat Malaysia seperti dilakukan negara lain, Anifah berkata, ia tidak akan dilakukan sehingga mendapat arahan pihak berkuasa Jepun. Terdahulu dalam ucapan penggulungan perbahasan usul bagi merakamkan ucapan takziah dan simpati yang sangat mendalam kepada Kerajaan Jepun dan semua mangsa tragedi bencana gempa bumi dan tsunami di negara itu, Anifah berkata, rakyat Malaysia yang mahu pulang ke tanah air boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo untuk mengatur penerbangan mereka. Bagaimanapun, katanya pemberitahuan itu tidak dapat dimaklumkan secara rasmi bagi memelihara hubungan diplomatik antara dua negara. "Kita sudah menasihatkan rakyat kita di sana, sesiapa yang ingin balik, kita sedia mengatur penerbangan mereka. Kita sudah memaklumkan kepada semua pihak yang berjumpa dan menghubungi kita," katanya. Anifah berkata, sehingga jam 9 pagi semalam, kedutaan berjaya menghubungi 1,690 rakyat Malaysia dan semua mereka disahkan selamat.

**Cubaan elak cukai RM1.28j gagal**

BANDAR HILIR: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Melaka menumpaskan cubaan menyeludup rokok putih jenama Zon King bernilai RM277,200 dengan jumlah cukai keseluruhan sebanyak RM1.28 juta di Johor Bahru, Selasa lalu. Pengaruhnya, Datuk Mohd Nasir Said, berkata bertindak atas maklumat orang ramai, sepasukan pegawai penguat kuasa KDRM Melaka dan Johor menahan tujuh van dari negara jiran ketika tiba di Johor Bahru kira-kira jam 10.15 malam. Beliau berkata, tujuh lelaki berusia 23 hingga 39 tahun yang memandu van terbabit turut ditahan bagi membantu siasatan. "Siasatan awal mendapati, sindiket ini cuba mengaburi pihak berkuasa dengan mengubahsuai van berkenaan supaya kelihatan seperti van membawa pelancong yang turut dilengkapi langsir, tetapi membawa muatan rokok seludup.

"Tujuh pemandu van yang ditahan adalah rakyat tempatan. Kejayaan rampasan ini, sekali gus menjadi rampasan terbesar kita pada tahun ini," katanya pada sidang media di pejabat KDRM Bandar Hilir dekat sini, semalam. Mengulas lanjut, Mohd Nasir berkata, ketika ditahan, tujuh van jenis Isuzu, Toyota, Ford, Inokom dan Mazda itu sedang berkonvoi dan sudah memasuki sempadan negara ini. Katanya, pemeriksaan mendapati, setiap van membawa 1,650 hingga 2,000 karton rokok putih bernilai antara RM36,000 dan RM44,000. "Hasil pemeriksaan mendapati, rokok ini tidak mempunyai sebarang pelekat cukai dan dakwat keselamatan. "Kita percaya, semua rokok ini akan dipasarkan ke sekitar kawasan Lembah Klang dan Johor. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana kesalahan mengangkut barang larangan dan sabit kesalahan, semua yang ditahan boleh dihukum mengikut Seksyen 135 (1)(iii)(aa) akta sama, iaitu denda tidak kurang 10 kali ganda dan tidak lebih 20 kali nilai dagangan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

**16 Rumah Komuniti dibina: AADK**

KUALA LUMPUR: Sebanyak 16 Rumah Komuniti bagi kes pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) akan diwujudkan di seluruh negara sepanjang tahun ini dalam usaha mencapai Transformasi Malaysia Bebas Dadah menjelang 2015. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata penambahan Rumah Komuniti kendalian Jawatankuasa Penduduk di bawah pemantauan pegawai AADK itu adalah sebahagian usaha pendekatan rawatan dan pemulihan kepada pengguna serta bekas penagih, sekali gus mengurangkan kadar jenayah jalanan dalam komuniti. "Sejak Julai tahun lalu, kita mempunyai 15 Rumah Komuniti sedia ada di seluruh negara dan penambahannya pada tahun ini membuktikan kerajaan prihatin dalam usaha memerangi ancaman dadah supaya berjalan secara terancang melalui program yang disusun pada setiap masa, "Rumah Komuniti ini dibina supaya segala kemudahan perubatan, kaunseling, saluran pencarian pekerjaan dan program komuniti dapat dijalankan dalam usaha mengurangkan stigma orang ramai yang selalu menyisihkan golongan terbabit daripada aktiviti setempat.

‘ Melalui penubuhan Rumah Komuniti ini, saya berharap program yang terancang dapat dilaksana supaya maklumat dan kesedaran berhubung masalah penyalahgunaan dadah dapat disampaikan kepada ahli keluarga pesakit dan anggota kejiranannya,’ katanya merasmikan Majlis Jalinan Mesra anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Penghuni Flat Sri Pahang di Dataran Flat Sri Pahang, dekat sini. Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 50 warga tua dari Flet Sri Pahang dan melawat Rumah Komuniti Flat Sri Pahang yang kini mempunyai 15 pesakit berdaftar. Hadir sama, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusop; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Prof Dr Mahmood Nazar Mohamed dan Pengerusi Rumah Komuniti Flat Sri Pahang, Marhisham Hashim.

**BERITA HARIAN**  
online

Sabtu, 19 Mac, 2011

### **KWSP dijangka dapatkekalkan kadar dividen 5.5 peratus**

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjangka dapat terus mengekalkan kadar dividen sekitar 5.5 peratus setahun walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu ketika ini, kata Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Azlan Zainol. “Wang pencarum selamat dan kami melaburkannya dengan baik. Kami menjangkakan kadar dividen pada masa depan normal seperti ketika ini iaitu dalam wajaran 4.5 peratus dan 5.5 peratus, dan mungkin mencecah 5.8 peratus jika tahun berkenaan baik prestasinya,” katanya. Beliau berkata demikian pada majlis memeterai perjanjian pembiayaan Bai Al- Inah bernilai RM500 juta antara KWSP dan Malaysia Building Society Bhd (MBSB) di Kuala Lumpur, semalam.

KWSP mengumumkan kadar dividen 5.8 peratus untuk ahlinya bagi tahun kewangan lalu, meningkat berbanding 5.65 peratus yang dibayar pada 2009. Ia adalah bayaran dividen tertinggi KWSP, iaitu RM21.61 bilion, peningkatan 11.55 peratus berbanding dividen RM19.37 bilion pada tahun sebelumnya. “Apa yang penting ialah pemeliharaan modal. Kami merasakan KWSP kini mempunyai pelaburan yang sangat baik,” kata Azlan. Beliau juga menegaskan, bencana alam di Jepun tidak menjelaskan KWSP berikutan jumlah pelaburan di negara itu terlalu kecil, iaitu kurang daripada 0.1 peratus. Dalam perkembangan lain, Azlan berkata, KWSP masih berbincang dengan kerajaan untuk memuktamadkan syarat perjanjian bagi pembangunan tanah Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh, dan berharap dapat memuktamadkannya sebelum akhir tahun ini.

**BERITA HARIAN**  
online

Ismi, 21 Mac, 2011

### **Iskandar Malaysia mampu raih RM383b pelaburan**

KEJAYAAN Wilayah Pembangunan Iskandar menarik pelaburan berjumlah RM69.2 bilion sehingga akhir tahun lalu adalah satu pencapaian luar biasa yang membuktikan keyakinan pelabur dalam dan luar negara terhadap iklim ekonomi negara ini. Meskipun baru melewati tempoh fasa pertama pelaksanaannya iaitu 2006 hingga 2010, pembangunannya sudah mendahului tempoh kemajuan yang ditetapkan, apabila sebahagian perancangan yang sepatutnya dilaksanakan pada fasa kedua antara 2011 hingga 2018, sudah rancak berjalan.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ismail Ibrahim, menyifatkan Iskandar Malaysia mampu mencapai sasaran pelaburan RM383 bilion menjelang tempoh kematangan pembangunan kawasan itu pada 2025. "Sejak dibangunkan pada 2006, Iskandar Malaysia setakat akhir tahun lalu sudah menerima pelaburan berjumlah RM69.2 bilion, termasuk RM13.9 bilion yang diterima pada 2010 dengan 58 peratus membabitkan pelaburan domestik dan selebihnya pelaburan langsung asing (FDI). Daripada jumlah itu pula, 40 peratus sudah dibelanjakan. "Berdasarkan prestasi itu, kami yakin Iskandar Malaysia mampu meraih pelaburan sehingga RM73 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan purata pelaburan antara RM13 bilion hingga RM15 bilion setahun," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di Pejabat IRDA dekat Danga Bay di Johor Bahru. Ismail berkata, pelaburan dari dalam negara amat diharapkan kerana ia bakal meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap potensi koridor itu.

"Pada peringkat awal, kami memang menggalakkan pelaburan dari luar negara, namun dari sudut ekonomi, kita masih perlu bersandarkan kepada pelaburan domestik," katanya. Selain syarikat besar, Iskandar Malaysia juga memberikan perhatian kepada usaha mengembangkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama di Johor kerana kehadiran kira-kira 16,000 PKS ketika ini menyumbang kepada lebih 90 peratus ekonomi negeri itu. Mengenai peluang kerja di Iskandar Malaysia, Ismail berkata pihaknya menyasarkan 1.4 juta tenaga kerja menjelang 2025 berbanding 600,000 tenaga kerja yang ada ketika ini melalui penstrukturran semula bentuk kerja sedia ada. Katanya, ketika ini 70 peratus pekerjaan di wilayah itu membabitkan sektor pembuatan dan 30 peratus sektor perkhidmatan, namun IRDA berhasrat menstrukturkannya semula kepada 70 peratus sektor perkhidmatan dan 30 peratus sektor pembuatan bagi menjana pendapatan lebih tinggi. "Kami percaya, melalui penstrukturran semula bentuk kerja akan mampu menambah sehingga 800,00 tenaga kerja pada 2025 nanti sekali gus mampu mengurangkan kadar kebergantungan pekerja tempatan untuk bekerja di Singapura. "Kami yakin lebih ramai pekerja berminat bekerja di Iskandar Malaysia jika kita mampu sekurang-kurangnya menawarkan gaji sehingga dua pertiga daripada apa yang mereka miliki di Singapura dan ini tentu dapat mengubah persepsi mereka untuk bekerja di sini," katanya.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 22 Mac, 2011

### **MOA bantu Melaka jadikan kelapa pandan tanaman utama**

MERLIMAU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedia bekerjasama dengan Kerajaan Melaka bagi membantu menjadikan kelapa pandan sebagai tanaman utama di negeri ini. Menterinya, Datuk Seri Noh Omar, berkata kementerian itu juga sedia menyalurkan bantuan diperlukan kerajaan negeri bagi merealisasikan tanaman berkenaan. "Saya lihat Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam begitu bersungguhsungguh mempromosikan tanaman kelapa pandan dan perkara ini terbukti menerusi penanaman kira-kira 38,000 kelapa pandan sejak April 2009 di seluruh negeri ini. "Jadi, kementerian sedia membantu Melaka menjadikan kelapa pandan sebagai tanaman utama di negeri ini," katanya selepas merasmikan Program Perataan Sawah Padi dan Bumi Hijau di Kampung Tengah Padang dekat sini, baru-baru ini. Kelapa pandan atau nama saintifiknya Aromatic Green Dwarf adalah sejenis kelapa rendah berasal dari Thailand serta satu daripada kelapa yang paling diminati pekebun negara ini. Pokok itu bukan saja rendah dan tidak mudah diserang musuh seperti kumbang, tetapi hasilnya lumayan dan pasarnya juga baik.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Hashim Abdullah dan Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Adam Ali. Mengulas lanjut, Noh berkata, untuk permulaan, satu bidang tanah seluas 25 hektar di Ladang Buah-Buahan Tropikal Melaka (MTFF) di Selandar, Jasin dikenal pasti sebagai kawasan utama bagi penanaman kelapa pandan. "Saya difahamkan, ladang berkenaan mampu menampung 6,250 pokok kelapa pandan dan kerajaan negeri dijangka memulakan projek tanaman terbabit pada pertengahan tahun ini," katanya. Terdahulu, Noh dalam ucapannya berkata, kerajaan sudah memperuntukkan RM83.68 juta bagi program meratakan tanah sawah menerusi Dasar Jaminan Bekalan Makanan di seluruh negara. Katanya, program itu satu daripada penggunaan teknologi pertanian bagi meningkatkan hasil pertanian pesawah.

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 23 Mac, 2011

### Ganjaran penuh (HL)

PUTRAJAYA: Kerajaan semalam menarik balik penanganuhan bayaran sebahagian ganjaran berkaitan persaraan pilihan kepada penjawat awam berkuat kuasa 1 Februari 2010. Berikut itu, penjawat awam yang memilih bersara pilihan akan menerima bayaran sekali gus atau 100 peratus. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mengumumkannya, berkata kerajaan juga bersetuju supaya semua penjawat awam yang mengambil Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara wajib atau bersara mengikut Seksyen 6A (6), Akta 227/239, termasuk ahli keluarga tanggungan mereka, layak menikmati kemudahan rawatan perubatan secara percuma. "Keputusan itu dibuat berkat usaha kakitangan kerajaan membantu kerajaan menguruskan kewangan negara dengan bijak, sehingga mampu memulihkan negara daripada masalah ekonomi," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-12 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini, semalam. Pada 1 Februari 2010, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengumumkan keputusan kerajaan menangguh bayaran sebahagian ganjaran membabitkan permohonan bersara pilihan bagi kakitangan awam Persekutuan, negeri dan badan berkanun serta tempatan.

Ia berikutan kedudukan kewangan semasa negara, selain mengelakkan kekurangan pegawai terlatih bagi mengendalikan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Antara syarat itu, kakitangan yang ingin bersara pilihan perlu bersetuju menerima hanya 20 peratus ganjaran atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi berbanding bayaran sekali gus seperti sebelumnya. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Abu Bakar Abdullah; Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman, menteri-menteri Kabinet. Majlis yang dihadiri kira-kira 5,757 penjawat awam itu turut disaksikan secara langsung oleh 570 penjawat awam di Sarawak dan Sabah yang mengikutinya secara sidang video di kedua-dua negeri. Mengulas keistimewaan yang bakal dinikmati pesara Skim KWSP itu, Najib berkata, ia tidak akan membabitkan mereka yang meletakkan jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atas kehendak sendiri. Katanya, ia juga hanya boleh dinikmati mereka yang bersara wajib oleh kerajaan Persekutuan atau negeri atau pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Mengenai Kajian Semakan Sistem Saraan Malaysia, Najib berkata, satu kaedah 'exit policy' akan diwujudkan untuk menamatkan perkhidmatan pegawai yang berprestasi rendah atau mempunyai masalah kesesuaian penempatan di semua peringkat termasuk Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Kaedah baru ini bakal diperkenalkan berikutan masalah sistem pool yang dibangkitkan sebelum ini bertujuan memastikan pegawai yang terbabit tidak teraniaya dengan mengamalkan sistem penilaian yang bebas dan berkecuali. "Mengikut kaedah baru ini, pegawai berkenaan akan diberikan tugas khusus bagi memanfaatkan pengalaman mereka," katanya. Mengikut sistem penilaian baru yang bakal dilaksanakan mulai Jun ini, Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan diberikan fleksibiliti dalam menentukan kaedah penilaian di jabatan masing-masing berdasarkan garis panduan yang sedang disediakan oleh JPA. Najib turut mengumumkan cadangan kerajaan memperkenalkan satu lagi anugerah khas bagi menghargai penjawat awam yang menunjukkan mutu kerja tinggi di pejabat dan pada masa sama bergiat aktif dalam kegiatan sukarelawan, kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan. Beliau berkata, bagi tujuan itu, tahap prestasi kerja dan pembabitan aktif penjawat awam dalam semua aktiviti sepanjang 2011 akan dinilai bagi tujuan berkenaan.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 23 Mac, 2011

### Dana KWSP tidak boleh diguna sesuka hati

KUALA LUMPUR: Dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya untuk menghapuskan bayaran tol seperti yang dicadangkan pembangkang kerana ia adalah pelaburan rakyat untuk hari tua. Pakar ekonomi, Datuk Halipah Esa, berkata beliau hairan bagaimana cadangan itu boleh dikemukakan tanpa kajian teliti kerana wang berkenaan bukan milik kerajaan yang boleh dibelanjakan untuk sebarang tujuan. "Janji memang mudah untuk ditabur tetapi persoalannya, adakah ia boleh dilaksanakan mengikut undang-undang kerana setiap pemegang saham ada hak masing-masing dan sama ada KWSP atau Khazanah Nasional masing-masing mempunyai peruntukan perundangan berhubung berhubung tujuan perbelanjaan wang. "Parti politik perlu lebih berhati-hati dalam memahami hak dan kepentingan sesebuah badan itu dan tidak boleh sebarang menabur janji semata-mata untuk mendapat sokongan rakyat," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Pembangkang sebelum ini mengemukakan Buku Jingga yang mengandungi Program 100 Hari pembangkang berhubung pengurusan negara, ekonomi dan pendidikan jika menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13. Antaranya adalah mengarahkan KWSP dan Khazanah Nasional menyempurnakan pengambilalihan aset lebuh raya oleh kerajaan dengan tujuan menghapuskan tol, merombak struktur subsidi bagi mengurangkan subsidi kepada swasta dengan memindahkannya bagi menampung perbelanjaan subsidi rakyat. Halipah yang juga bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), berkata cadangan pengambilalihan berkenaan tidak praktikal kerana perjanjian dengan syarikat konsesi lebuh raya sudah termaktub dan sebarang pembatalan memaksa kerajaan menanggung kos pampasan yang tinggi. "Ia juga memberi kesan kepada keyakinan pelabur asing kerana Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai kredibiliti tinggi serta konsisten melaksanakan dasar dan perjanjian," katanya.

**RM377.8 juta caruman KWSP tidak dituntut**

SEBANYAK RM377.8 juta caruman tidak dituntut daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setakat 31 Disember tahun lalu, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin. Beliau berkata, caruman itu membabitkan 188,733 ahli KWSP yang berumur 75 tahun ke atas. "Bagaimanapun, maklumat mereka adalah tidak lengkap kerana rekod pencarum yang terdahulu tidak ada maklumat negeri. "Umpamanya daripada 188,733 pencarum berumur 75 tahun ke atas itu, hanya 1,960 yang boleh dikenal pasti mengikut negeri. "Sebanyak 186,773 kes pencarum yang tiada maklumat negeri membabitkan RM358,219,789," katanya menjawab soalan Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan). Pencarum boleh dikenal pasti itu meliputi Selangor yang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 340 kes membabitkan RM6,593,795. Johor (124 kes - RM388,385), Kedah (101 kes - RM59,044), Kelantan (26 kes - RM31,885), Melaka (33 kes - RM1,187,238), Negeri Sembilan (43 kes - RM59,466), Pahang (76 kes - RM408,961), Perak (141 kes - RM1,096,879). Pulau Pinang (148 kes - RM2,377,578), Sabah (236 kes - RM358,102), Sarawak (371 kes - RM3,098,987), Terengganu (41 kes - RM80,268) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (280 kes - RM3,858,952).

**Dana penampang RM81.4b**

INSTITUSI perbankan di negara ini memiliki dana penampang kewangan yang cukup besar mencecah **RM81.4 bilion** yang boleh melindungi daripada risiko dalam dan luar negara, meskipun dalam senario tekanan kredit dan pasaran yang amat meruncing, kata Bank Negara Malaysia. "Ia akan membolehkan sistem kewangan untuk terus menyokong fungsi aktiviti pengantaraan selanjutnya," kata bank pusat itu dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam. Laporan itu menyebut prospek kestabilan kewangan dalam negara tahun ini kekal positif, disokong oleh kekuahan asas sistem kewangan negara. Namun begitu, bank pusat itu berkata, peralihan aliran mudah tunai global yang kini menjurus ke pasaran Asia termasuk Malaysia terus menimbulkan cabaran kepada negara di rantau ini.

Bank Negara berkata, harga aset kewangan dan kadar faedah mudah terjejas akibat aliran masuk pelaburan portfolio yang besar dan tidak menentu serta potensi aliran keluar secara mendadak. Paras hutang isi rumah terus meningkat, namun terkawal hasil sokongan kewangan sektor isi rumah yang kukuh berikutan peningkatan pendapatan, pengumpulan aset kewangan yang semakin bertambah, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras tabungan yang tinggi. Untuk masa depan, Bank Negara akan memberi tumpuan dalam memastikan kestabilan dalam negara terus terpelihara.

**Pelan transformasi bertepatan**

KUALA LUMPUR: Pelan transformasi dan pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan adalah bertepatan dengan peredaran masa, terutama apabila kepentingan rakyat paling utama dalam membuat sebarang keputusan seiring slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Bekas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Ismail Adam, berkata dalam situasi sekarang di mana rakyat lebih bermaklumat terutama golongan muda, pendekatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berinteraksi dengan rakyat wajar dipuji. "Pada zaman ini, rakyat tidak lagi boleh diperbodohkan dan langkah mendapatkan pandangan rakyat berkaitan pelbagai isu dan perancangan kerajaan adalah sesuatu perubahan yang baik. "Bagaimanapun, masih banyak yang boleh diperbaiki dan reformasi dalam sistem penyampaian awam itu masih boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, tetapi pada dasarnya, kita berada di landasan yang betul," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, pihak pembangkang melancarkan Buku Jingga yang dibahagi kepada dua kategori iaitu 10 janji yang akan dilaksanakan dalam 100 hari jika pembangkang menjadi kerajaan persekutuan dan 39 janji di bawah tajuk 'Dasar Bersama'. Ismail berkata, penubuhan pelbagai suruhanjaya dan badan pemantauan berkaitan isu dan institusi kerajaan tertentu termasuk Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU) turut membawa perubahan positif terhadap sistem penyampaian awam. Selain PEMANDU, reformasi yang dilaksanakan termasuk penubuhan Suruhanjaya Diraja Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pemantauan dan Penyelarasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah. Ismail percaya tentunya Perdana Menteri sendiri masih tidak berpuas hati dengan pencapaian ketika ini dan tentunya antara usaha perlu diberi fokus adalah untuk mengubah tahap pemikiran kakitangan sektor awam. "Setiap rakyat perlu yakin dengan keupayaan diri masing-masing, barulah ia seiring dengan pelan komprehensif dan konsultatif kerajaan," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, adalah sukar untuk pihak pembangkang untuk menghasilkan sesuatu perubahan dalam tempoh masa 100 hari seperti yang dijanjikan menerusi buku berkenaan kerajaan sedia ada sudah lebih 50 tahun berkhidmat kepada rakyat secara konsisten. Beliau juga menganggap janji pihak pembangkang itu sebagai tidak realistik kerana mana mungkin melakukan perubahan drastik dalam masa 100 hari sedangkan pindaan undang-undang terutama memerlukan kelulusan pada peringkat Parlimen.

**Tender MRT dibuka Jun**

TENDER pembinaan sebahagian projek Aliran Transit Massa (MRT) Lembah Klang dijadualkan dibuka Jun ini iaitu selepas kajian berhubung kos pembangunannya dimuktamadkan pada bulan sebelumnya. Susulan itu, pengumuman mengenai pemenang tender bagi kerja awal projek berkenaan dijangka dibuat tidak lama sebelum pembinaannya dimulakan pada Julai ini.

Kajian daya maju projek itu yang kini dilaksanakan Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB), pemilik aset dan pengendali projek itu, dijadualkan selesai pada akhir Mei. Kerja awal bagi projek berskala mega di kawasan Greater KL itu akan membabitkan pembinaan beberapa kemudahan asas seperti depoh dan pelancar gerabak. Anggaran awal kos keseluruhan projek itu adalah RM36.6 bilion, sebelum mengambil kira kos berubah lain seperti nilai harta tanah dan harga bahan binaan. Bagaimanapun, penganalisis sebelum ini menganggarkan kos keseluruhan projek itu boleh mencecah RM53 bilion berdasarkan purata RM353 juta bagi setiap kilometer susulan kenaikan harga bahan binaan dan minyak mentah di peringkat global. Ketua Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd Nur Ismail Kamal, berkata kajian daya maju bagi elemen kos keseluruhan pembangunan projek MRT itu kini sedang dalam peringkat rundingan reka bentuk. Ia katanya, membabitkan penilaian menyeluruh ke atas jajaran sebenar aliran pertama membabitkan laluan antara Sungai Buloh ke Kajang bagi membolehkan kos pembinaannya dimuktamadkan.

Beliau berkata, kajian itu turut mengambil kira persekitaran indeks harga bahan mentah global yang kini sedang meningkat dalam menentukan kos akhir projek itu. "Berdasarkan perkembangan semasa, adalah terlalu awal dan tidak adil untuk mengatakan kos pembinaan MRT itu akan menjadi terlalu tinggi kerana banyak faktor lain yang perlu diambil kira. "Kajian daya maju itu akan dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum akhir Mei ini," katanya kepada media selepas majlis penyerahan memorandum menyokong projek pembinaan MRT oleh sebuah kumpulan bebas, Jawatankuasa Sokongan Sementara GO-MRT di Kuala Lumpur, semalam. Memorandum yang mengandungi hasil maklum balas penduduk di lima perbandaran yang terbabit dengan projek itu disampaikan oleh Pengerusi Sementara GO-MRT, Sadivinder Ted Tugal kepada Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar. Fasa pertama rangkaian projek MRT yang membabitkan laluan Sungai Buloh hingga Kajang dan melalui pusat bandar raya Kuala Lumpur itu dianggarkan sejauh kira-kira 60 kilometer dengan 35 stesen akan dibina sepanjang laluan berkenaan.

Stesen integrasi akan dibangunkan di lokasi laluan MRT bersilang dengan laluan KTM Komuter, laluan aliran transit ringan (LRT) Kelana Jaya dan laluan LRT Ampang. Kira-kira 20 peratus daripada kerja pembinaan keseluruhan laluan MRT itu dijangka membabitkan pembinaan terowong atau laluan bawah tanah. Ia dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.2 juta penduduk di Lembah Klang membabitkan kawasan berkepadatan tinggi seperti Kota Damansara, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Bukit Damansara dan Cheras. Maklum balas dan cadangan daripada orang awam berhubung pelaksanaan projek MRT akan diambil sehingga 14 Mei ini dan akan turut memainkan peranan penting dalam menentukan kos akhirnya.

**BERITA HARIAN**  
online

Isnin, 28 Mac, 2011

### Rakyat luar bandar dapat manfaat besar

KEMENTERIAN Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berjaya mencapai objektif menyediakan infrastruktur asas di luar bandar dengan kualiti yang semakin meningkat kepada rakyat tahun lalu. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata pencapaian kemajuan adalah ketara dari segi skala pembangunan yang besar dan kadar pelaksanaan jauh bertambah baik. "Projek dilaksanakan sudah memberi hasil positif dan menjana peluang baru serta lebih baik kepada rakyat.

Kami berasa amat bertuah kerana berupaya mengubah kehidupan penduduk di luar bandar dan berharap momentum positif ini dapat dikekalkan tahun ini," katanya dalam laporan GTP 2010. Mengikut Laporan GTP 2010, dua juta rakyat di luar bandar menikmati kehidupan lebih baik melalui penyediaan jalan raya, bekalan air dan elektrik serta rumah dalam Keberhasilan Besar 2010. Dalam laporan itu, kerajaan sudah membina jalan raya di luar bandar sejauh 783.1 kilometer atau melakukan naik taraf di seluruh negara menyamai jarak sejauh Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS). Selain itu, lebih 12,000 kampung di seluruh negara kini mempunyai jaringan jalan raya dengan baik, manakala 36,273 rumah tambahan dibekal air bersih atau dirawat dan 16,926 rumah sudah dibina atau dibaiki bagi golongan miskin di luar bandar.

Kerajaan menyasarkan 100 peratus penduduk mempunyai akses kepada kemudahan asas antaranya bekalan air dan elektrik, perumahan serta jalan utama berturap dalam lingkungan jarak lima kilometer. Sasaran penyediaan infrastruktur asas luar bandar (RBI) 2010-2012 ialah menghubungkan rakyat dengan pusat sosial dan ekonomi melalui lebih 7,000 kilometer jalan baru serta yang dinaik taraf. Antara lain termasuk menyediakan bekalan air bersih atau dirawat kepada rakyat lebih 360,000 rumah, 50,000 rumah baru dan dibaik pulih bagi golongan miskin dan tegar serta membekalkan tenaga elektrik lebih daripada 140,000 rumah.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Isnin, 28 Mac, 2011

### **GTP bukti kesungguhan jadi negara maju**

TONGGAK Program Transformasi Kerajaan (GTP) berserta enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkan pada April 2009, adalah bukti kesungguhan kerajaan memacu Malaysia ke arah negara maju. Secara keseluruhannya, GTP terbukti sebagai program positif yang keberhasilannya jauh mengatasi kekurangannya dan membuktikan kepentingan GTP dalam usaha menjana perubahan negara. Antara tonggak GTP adalah penubuhan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), unit di bawah Jabatan Perdana Menteri pada September 2009 jadi pemangkin perubahan sektor awam dan swasta selain memberi pandangan bebas terhadap prestasi dicapai. Malah pada separuh pertama 2010 memperlihatkan kerajaan lebih telus dan inklusif dalam pelaksanaan tonggak GTP dengan mengadakan Hari Terbuka GTP sebagai penerangan kepada rakyat mengenai program NKRA dan pelancaran Pelan Hala Tuju GTP. Dalam usaha merasionalisasikan subsidi bagi satu tempoh, Makmal Rasionalisasi Subsidi dijalankan enam minggu pada Februari hingga Mac tahun lalu. Juga pelancaran Pangkalan Data Pesalah 'Malukan dan Namakan' oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengangkutan awam tidak dilupakan dengan pelancaran Kereta Api Empat Gerabak oleh Perdana Menteri bagi memenuhi keperluan penduduk bandar. Hari terbuka Rasionalisasi Subsidi turut diadakan sebagai penyampaian dan mendapatkan maklum balas awam. Turut dilancarkan, Program Penambahbaikan Sekolah (SIP) sebagai pemangkin perubahan setiap sekolah oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut memperkenalkan sistem tawaran baru bagi guru cemerlang. Separuh kedua 2010 pula memperlihatkan kerajaan lebih inklusif dengan pengagihan dana kepada isi rumah berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak, di bawah program 1AZAM membabitkan pembayaran RM80 juta bagi membantu kedua-dua negeri yang memiliki bilangan isi rumah miskin terbanyak.

Program 1AZAM ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada kepompong kemiskinan menerusi aktiviti termasuk pertanian dan keusahawanan. Turut dilancarkan Balai League Table yang menyenaraikan 753 balai polis seluruh negara berdasarkan prestasi mereka memerangi jenayah. Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) adalah manfaat NKRA kepada Orang Asli dan luar bandar dengan pemberian sumber asas. Selain perluasan Program Bandar Selamat ke seluruh negara. Pelancaran perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) pula mengurangkan masa pengangkutan awam dengan lorong khas di plaza tol. Pembinaan jalan 13.73 kilometer (km) di antara Kuching dan Serian memberi manfaat kepada 1,800 penduduk. Akhir 2010 diperkenalkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Tidak terkecuali pengurangan miskin tegar dengan 44,643 isi rumah miskin tegar dikurangkan menuju sifar peratus.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Isnin, 28 Mac, 2011

### **Pakar: GTP - kejayaan luar jangkaan**

JAWATANKUASA Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR) yang dianggotai individu ternama, sebulat suara menerima Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagai kejayaan di luar jangkaan dan menyifatkan hasil dicapai setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara, adalah memberangsangkan serta memenuhi banyak sasaran besar. Badan yang membariskan nama besar seperti bekas anggota Kabinet Britain, Michael Barber dan pakar ketelusan iaitu Pengasas Bersama Kumpulan Transparency International, Michael Hershman, yang mengadakan sesi dua hari pada 26 dan 37 Januari lalu di Putrajaya, turut memuji keupayaan kerajaan mencapai sasaran hebat pada tahun pertama GTP dan menunjukkan petanda memberangsangkan bagi tahun-tahun akan datang. "GTP sudah mendorong transformasi sebenar yang boleh dan akan dialami rakyat. Pembabitan tinggi orang ramai ketika rumusan NKRA dan Petunjuk Prestasi Utama Nasional (NKPI) dalam pemerolehan idea dan input melalui kaedah yang inovatif termasuk khidmat pesanan ringkas (SMS), adalah ciri GTP yang ketara.

"Kemampuan mengubah rancangan dengan sasaran terperinci disokong pelan tindakan menyeluruh, juga penting," kata Jawatankuasa IPR dalam Laporan GTP 2010. Mengulas lanjut, ahli badan itu berkata, bagi NKRA mempertingkat pencapaian pelajar, tumpuan menyeluruh bukan hanya diberikan kepada pelajar malah juga untuk membantu guru dalam meningkatkan prestasi mereka selain pembabitan ibu bapa dan pengurusan sekolah, mendapat pujian. Fokus jelas dalam menangani kumpulan miskin tegar dan pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti 1AZAM yang menawarkan latihan kemahiran, peluang keusahawanan pembiayaan mikro serta bantuan lain. Selain itu penubuhan SPRM, akademi anti rasuah yang berkesan dan dilengkapi kakitangan secukupnya serta berinovasi dilihat dapat memberi hasil yang besar dalam mengurangkan rasuah. Penempatan semula anggota polis dan cara inovatif lain untuk meningkatkan kehadiran barisan hadapan polis menunjukkan komitmen sebenar bagi pengurusan tenaga kerja yang bijak, selain penurunan indeks jenayah dan jenayah jalanan yang signifikan membuktikan pemikiran di luar kotak benar-benar berkesan. Berber dalam pandangan peribadinya, menganggap keseluruhan program adalah kejayaan besar dengan NKRA mengurangkan jenayah menunjukkan peningkatan paling penting. Katanya, pembabitan mereka yang berada pada peringkat atasan sejak awal adalah langkah yang berinovasi dan mengatasi apa yang dilakukan oleh negara lain, selain memberikan hasil, jauh lebih pantas daripada apa yang dilakukan di negara lain termasuk United Kingdom.

"GTP menjadi satu daripada pelbagai rancangan kerajaan yang sangat berjaya, sehingga mereka yang sangsi terpaksa mengakui ia berjaya mengubah beberapa kementerian dan agensi kerajaan selain menangani secara positif aduan rakyat. Organisasi bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai juga memberikan sokongan menggalakkan kepada GTP yang menurut mereka adalah program yang menjadikan rakyat sebagai keutamaan."

**BERITA HARIAN  
online**

Isnin, 28 Mac, 2011

### GTP bukti kesungguhan jadi negara maju

TONGGAK Program Transformasi Kerajaan (GTP) berserta enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkan pada April 2009, adalah bukti kesungguhan kerajaan memacu Malaysia ke arah negara maju. Secara keseluruhannya, GTP terbukti sebagai program positif yang keberhasilannya jauh mengatasi kekurangannya dan membuktikan kepentingan GTP dalam usaha menjana perubahan negara. Antara tonggak GTP adalah penubuhan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), unit di bawah Jabatan Perdana Menteri pada September 2009 jadi pemangkin perubahan sektor awam dan swasta selain memberi pandangan bebas terhadap prestasi dicapai. Malah pada separuh pertama 2010 memperlihatkan kerajaan lebih telus dan inklusif dalam pelaksanaan tonggak GTP dengan mengadakan Hari Terbuka GTP sebagai penerangan kepada rakyat mengenai program NKRA dan pelancaran Pelan Hala Tuju GTP. Dalam usaha merasionalisasikan subsidi bagi satu tempoh, Makmal Rasionalisasi Subsidi dijalankan enam minggu pada Februari hingga Mac tahun lalu.

Juga pelancaran Pangkalan Data Pesalah 'Malukan dan Namakan' oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pengangkutan awam tidak dilupakan dengan pelancaran Kereta Api Empat Gerabak oleh Perdana Menteri bagi memenuhi keperluan penduduk bandar. Hari terbuka Rasionalisasi Subsidi turut diadakan sebagai penyampaian dan mendapatkan maklum balas awam. Turut dilancarkan, Program Penambahbaikan Sekolah (SIP) sebagai pemangkin perubahan setiap sekolah oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut memperkenalkan sistem tawaran baru bagi guru cemerlang. Separuh kedua 2010 pula memperlihatkan kerajaan lebih inklusif dengan pengagihan dana kepada isi rumah berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak, di bawah program 1AZAM membabitkan pembayaran RM80 juta bagi membantu kedua-dua negeri yang memiliki bilangan isi rumah miskin terbanyak. Program 1AZAM ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada kepompong kemiskinan menerusi aktiviti termasuk pertanian dan keusahawanan.

Turut dilancarkan Balai League Table yang menyenaraikan 753 balai polis seluruh negara berdasarkan prestasi mereka memerangi jenayah. Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) adalah manfaat NKRA kepada Orang Asli dan luar bandar dengan pemberian sumber asas. Selain perluasan Program Bandar Selamat ke seluruh negara. Pelancaran perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) pula mengurangkan masa pengangkutan awam dengan lorong khas di plaza tol. Pembinaan jalan 13.73 kilometer (km) di antara Kuching dan Serian memberi manfaat kepada 1,800 penduduk. Akhir 2010 diperkenalkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Tidak terkecuali pengurangan miskin tegar dengan 44,643 isi rumah miskin tegar dikurangkan menuju sifar peratus.

**UM buka fakulti, UiTM tambah 2 cawangan**

TAMPIN: Universiti Malaya (UM) akan membuka kampus fakulti pertama, manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menambah dua lagi cawangan di negeri ini tidak lama lagi. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata kerajaan negeri secara dasar bersetuju memberikan tanah seluas 202.34 hektar di Gemas untuk kegunaan UM yang merancang membina Fakulti Teknologi dan Pertanian di Gemas untuk melaksanakan kursus berteraskan sains, teknologi dan pertanian. "UiTM pula mengesahkan akan membuka sebuah cawangan di Rasah, Seremban, selain berusaha mencari lokasi sesuai di Rembau untuk tujuan sama," katanya selepas merasmikan majlis pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Sekolah Yang Mempunyai Logo 1Malaysia Paling Banyak di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Indah di sini.

Pelajar, guru dan kakitangan sekolah berkenaan bekerjasama melukis 12,420 logo 1Malaysia di seluruh bangunan, membolehkannya diiktiraf dalam Malaysia Book of Records. Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan negeri kini meletakkan syarat tertentu kepada universiti yang berminat mendapatkan tanah bagi membuka cawangan atau fakulti bagi mengelak berulang kesilapan berikutan sesetengah universiti yang diberikan tanah, tetapi tidak membangunkannya, menyebabkan tapak itu terbiar. "Kini, kita bersedia menawarkan tapak dengan syarat mereka menyediakan pelan pembangunan serta perancangan dan mereka juga perlu memulakan projek berkenaan dalam tempoh masa ditetapkan," katanya. Mohamad berkata, kerajaan negeri menerima banyak permintaan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang berminat mendirikan tapak di negeri ini kerana kos operasi tinggi di ibu negara. Beliau berkata, negeri ini menjadi pilihan kerana kedudukannya berhampiran dengan Kuala Lumpur dan menawarkan prospek yang baik dalam pelbagai aspek terutama harga tanah yang jauh lebih rendah. Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri tidak menumpukan sesuatu kawasan saja untuk didirikan institusi pengajian tinggi, sebaliknya memastikan pembangunannya seimbang di semua daerah. "Ini bagi memastikan setiap daerah mencapai kemajuan pesat dan memberi peluang penduduk setempat menumpang faedah hasil pembinaan institusi berkenaan," katanya.

**PM puas hati pencapaian NKRA**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan rakyat sebagai pemegang saham terpenting Program Transformasi Kerajaan (GTP) akan terus mendapat manfaat hasil pencapaian memberangsangkan tahun pertama pelaksanaan enam inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ketika membentangkan laporan tahun pertama GTP itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar tanggungjawab dan amanah yang diletakkan rakyat untuk memenuhi keinginan hidup selesa dalam sebuah negara aman, selamat, selain merasai aspirasi masa depan rakyat. "Kejayaan sepanjang 2010 tidak akan terhenti, sebaliknya akan kuatkan iltizam untuk terus bekerja dengan gigih dan buat apa saja yang termampu dan terbaik demi kesejahteraan rakyat dan negara tercinta. "Kita insaf dan bersikap rendah diri bahawa era kerajaan tahu segala-galanya sudah berakhir dan apa yang penting bagi kita ialah mengenal pasti keinginan rakyat.

Apa yang sebenarnya jangkaan rakyat dan apakah aspirasi rakyat yang perlu dipenuhi kerajaan," katanya ketika melancarkan Laporan Tahunan GTP 2010 pada Malam Transformasi Bersama Rakyat Untukmu Malaysia di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini malam tadi. Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Datuk Seri Idris Jala, barisan menteri kabinet serta lebih 7,000 orang awam. Enam inisiatif NKRA menerusi GTP adalah mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, memperbaiki infrastruktur asas luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam di bandar. Pelancaran buku laporan setebal 268 muka surat hasil pencapaian tahun pertama GTP dilakukan selepas pelancaran program berkenaan secara rasmi pada 28 Januari 2010. Perdana Menteri berkata, sebagai program yang menjadi agenda besar kerajaan supaya dapat menyentuh isi hati rakyat dan menyelesaikan pemasalahan mereka, kejayaan program ini menuntut masa, usaha serta dedikasi serta halangan dan kekangan.

"Yang pasti, hasil ini dapat diperlihatkan kerana ia berpaksi kepada usaha gigih, semangat kental, pengorbanan tinggi dan kesanggupan bekerja sebagai satu pasukan untuk kepentingan rakyat dan negara," katanya. Najib berkata, kerajaan akan pastikan agenda ini dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi supaya gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dapat dilaksana berdasarkan kepada enam inisiatif NKRA yang digariskan menerusi GTP. Sementara itu, Najib berkata, GTP akan diselaras, dipantau dan diselia oleh Timbalan Perdana Menteri. "Selepas ini Muhyiddin akan menyelaraskan tindakan diambil oleh semua menteri terutama menteri yang mengetuai enam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA). "Saya ucapkan terima kasih kepada semua menteri yang mengetuai NKRA dan menteri lain serta dua menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Datuk Seri Idris Jala yang mengetuai PEMANDU (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan) serta anggota PEMANDU dari sektor awam dan swasta. "Saya juga ingin ucap terima kasih kepada sektor perkhidmatan awam diketuai Tan Sri Mohd Sidek Hassan (Ketua Setiausaha Negara) kerana mereka berganding bahu bersama anggota kerajaan. "Tanpa sokongan mereka, GTP tidak mungkin dapat dijayakan. Inilah yang dapat dipersembahkan kepada rakyat Malaysia. Inilah hasrat kita untuk lakukan yang terbaik untuk rakyat," katanya.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Isnin, 28 Mac, 2011

### Kerajaan serius tingkat taraf hidup rakyat

KERAJAAN akan terus berusaha untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah walaupun lebih 44,000 isi rumah sudah berjaya dikeluarkan daripada kelompok miskin tegar tahun lalu. Pencapaian ketara itu mendorong kerajaan untuk terus berusaha membasmi kemiskinan di negara ini. Mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (LIH) dijadikan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif antaranya 1Azam, penyediaan rumah kos rendah serta beberapa lagi inisiatif yang mendatangkan hasil positif. Antara kejayaan NKRA berkenaan sepanjang 2010 adalah memajukan 2,000 usahawan wanita, 35,095 unit rumah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) ditawarkan untuk dijual kepada penyewa sedia ada.

Selain daripada kejayaan mengeluarkan lebih 40,000 isi rumah kategori miskin tegar, 15,868 atau 34 peratus isi rumah miskin juga berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin sepanjang tahun lalu. Dalam menangani isu kemiskinan di bawah NKRA ini, tiga bidang utama sudah dikenal pasti iaitu pertama menetapkan takrifan kumpulan berpendapatan rendah dalam memastikan bantuan yang diberikan disasarkan kepada golongan yang layak. **Kedua**, melaksanakan serta-merta inisiatif berimpak tinggi dan pantas dengan meletakkan asas untuk tindakan jangka masa panjang. Inisiatif ini dapat memperbaiki serta mewujudkan potensi bagi memperoleh pendapatan untuk memastikan kemampunan bagi golongan berpendapatan rendah. **Ketiga**, meletakkan pergerakan untuk memastikan program pembasmian kemiskinan cekap dan berkesan melalui pangkalan data e-Kasih untuk merekodkan secara terperinci maklumat isi rumah berpendapatan rendah di seluruh negara.

GTP modenkan pengangkutan awam. KEMENTERIAN Pengangkutan komited untuk mentransformasi sistem pengangkutan awam kepada bertaraf dunia terutama di Lembah Klang di bawah GTP. Dalam Laporan Tahunan GTP 2010 yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri, penyempurnaan pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Tasik Selatan menjadi salah satu antara langkah untuk mengurangkan kesesakan di pusat bandar di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Pengangkutan Awam Bandar. "Terminal bernilai RM570 juta ini dilengkapi kemudahan canggih dan dibuka pada awam Januari lalu apabila perkhidmatan bas ekspres ke arah selatan yang sebelum ini beroperasi di Puduraya dipindahkan ke terminal tersebut," kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha. Beliau berkata, walaupun menghadapi kesukaran pada awalnya, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan agensi berkaitan bekerjasama dengan pihak berkenaan bagi memastikan semua operator bas berpindah ke terminal baru itu 1 Mac lalu. Kong berkata, kejayaan lain yang dicapai ialah pengenalan lima perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) dengan tujuan utamanya untuk mengurangkan perjalanan dengan penggunaan lebuh raya yang tidak digunakan sepenuhnya.

BET 1 - Kota Damansara-Pasar Seni. BET 2 - Bandar Baru Sungai Long-Pasar Seni. BET 3 - Subang Mewah-Pasar Seni. BET 4 - Taman Seri Muda-Pasar Seni. Semua Bet ini dikendalikan RapidKL. BET 5 - Rawang-Pasar Seni pula dikendalikan oleh Setara Jaya. Beliau juga berkata, tahun lalu, tambahan 2.4 juta pengguna menggunakan LRT yang sehingga kini 22 set tren yang mempunyai empat gerabak bagi satu tren telah beroperasi. "Ia menunjukkan pertambahan 6.8 peratus dalam penggunaan harian dan pertambahan 31.6 peratus di waktu puncak tahun lalu," kata Kong Cho. Di bawah inisiatif NKRA, 634 hentian bas di Sepang, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang dinaik taraf sepanjang 2010. "Selebih 166 lagi hentian bas daripada sasaran 800 tahun lalu siap bersama tambahan 440 hentian yang dinaik taraf," kata Kong Cho.

**BERITA HARIAN**  
online

Selasa, 29 Mac, 2011

### **RM5 bilion maju sawah terbiar**

KUALA LUMPUR: Lebih 15,000 hektar kawasan sawah terbiar di seluruh negara sudah dikenal pasti untuk dimajukan semula membabitkan peruntukan sebanyak RM5 bilion, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar. Katanya, pembangunan itu kini sedang diperhalusi dan peruntukan bagi membangunkan semula sawah terbiar di seluruh negara itu akan disalurkan terus kementerian melalui agensi yang berkaitan untuk diuruskan secara bersistem termasuk melengkapkan kawasan berkenaan dengan sistem saliran yang lebih baik dan teratur.

"Kos memajukan semula bagi setiap hektar sawah terbiar dianggarkan RM30,000 dan ia jauh lebih murah berbanding membuka kawasan baru penanaman padi," katanya kepada pemberita sebelum menghadiri Mesyuarat Menteri Pertanian bersama Exco Pertanian Seluruh Negara di sini semalam. Katanya, kajian sudah dilaksanakan Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) dan pihak berkenaan memperakui kos membangunkan semula sawah terbiar jauh lebih rendah berbanding kos membuka kawasan sawah yang baru. Ditanya mengenai senarai sayuran yang sudah dikenal dicemari dengan kesan radiasi nuklear berikutan tragedi letupan reaktor nuklear di Fukushima Jepun, Noh berkata, setakat ini tiada sebarang arahan yang melarang kemasukan beberapa jenis sayur diterima itu. Bagaimanapun, katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memantau perkara berkenaan dalam memastikan tiada sayur yang tercemar dibawa masuk ke negara ini. "Mengikut Akta Makanan 1983, kuasa menentukan sesuatu bahan itu sama ada melepas tahap dibenarkan atau tidak di bawah kuasa Kementerian Kesihatan, tetapi yang menjaga pintu masuk adalah Bahagian Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). "Kita akan ikut arahan dari semasa ke semasa daripada Kementerian Kesihatan dan kalau ada arahan tak membenarkan jenis sayuran tertentu masuk, kita akan sekat daripada masuk... tapi setakat ini semua bahan yang dibawa dari Jepun perlu melalui kawalan keselamatan yang ketat dan dikuarantin sehari sebelum dibawa ke makmal bagi menentukan ia bebas radiasi," katanya

**BERITA HARIAN**  
**online**

Selasa, 29 Mac, 2011

### **Kejayaan GTP kuatkan iltizam untuk terus memacu pembangunan**

LAPORAN tahun pertama pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin, jelas menunjukkan pencapaian kerajaan membangunkan negara dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat di semua peringkat. Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diberikan tumpuan dalam usaha berkenaan meliputi langkah mengurangkan kejadian jenayah, membanteras gejala rasuah, usaha mempertingkatkan pencapaian pelajar dan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, memperbaiki infrastruktur asas di luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam di bandar. Sesungguhnya komitmen ditunjukkan setiap kementerian serta hasil dikemukakan dalam laporan tahun ini agak luar biasa berbanding tempoh singkat diberikan kepada pihak dipertanggungjawabkan bagi menyempurnakan tugas dilaksanakan. Apapun, kejayaan dicapai tahun pertama GTP itu sudah tentu menjadi asas pelaksanaan program pembangunan lain ke arah mentransformasi Malaysia sebagai negara maju seperti disasarkan matlamat Wawasan 2020.

Program GTP bukan sesuatu yang populis seperti janji yang dijaya pembangkang menerusi Buku Jingga mereka. Janji pembangkang yang terbahagi kepada dua kategori kononnya dapat dilaksanakan dalam tempoh 100 hari menjadi Kerajaan Persekutuan. Ia bagaimanapun tidak menjelaskan dari mana sumber kewangan diperoleh untuk menuaikan segala janjinya. Memandangkan program pembangunan kerajaan adalah untuk rakyat, justeru adalah penting ia sampai ke akar umbi seperti ditegaskan Perdana Menteri. Menerusi program pembangunan luar bandar, kira-kira dua juta rakyat dijangka menikmati kehidupan lebih baik melalui penyediaan jalan raya lebih teratur dan sempurna, bekalan air dan elektrik serta tempat kediaman lebih selesa sebagai tambahan kepada kemudahan asas infrastruktur yang sudah dilaksanakan selama ini.

Di kawasan bandar, khususnya Lembah Klang, sepanjang tahun lalu, antara pencapaian terbesar adalah pembangunan sistem pengangkutan bertaraf dunia serta pembinaan Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan dekat bandar raya Kuala Lumpur bagi memenuhi permintaan penggunaan yang semakin ramai. Sebagai bandar raya utama di negara ini, Kuala Lumpur sudah tentu memerlukan sistem pengangkutan lebih sistematik bukan saja untuk memenuhi kehendak pengguna tetapi bagi mengurangkan kesesakan. Kita yakin kerajaan tentu memberi keutamaan kepada aspek berkenaan memandangkan rata-rata ramai pengguna belum berpuas hati dengan sistem pengangkutan awam sedia ada. Hasil kajian sebuah syarikat swasta Ogos tahun lalu, hanya 48 peratus daripada 10,000 responden berpuas hati dengan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang. Justeru, adalah penting kerajaan menggunakan apa juga maklum balas daripada rakyat sebagai panduan dalam melaksanakan program pembangunannya dan memperbaiki atau mengemas kini projek yang sedang dilaksanakan.

Menerusi Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) pula, cara bekerja kakitangan di sektor awam juga perlu transformasi dengan mengurangkan birokrasi dan halangan tertentu yang boleh membantutkan usaha kerajaan mencapai matlamatnya dalam GTP. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya pegawai dan kakitangan sektor awam dibenarkan menggunakan kreativiti dan bertindak secara inovatif dalam melaksanakan tugas mereka. Pencapaian apa juga matlamat ingin disasarkan, kerajaan bukan saja memerlukan komitmen pemimpin atasan, tetapi juga harus dipikul bersama semua golongan. Mereka tidak boleh lagi terus berada di takuk lama dan hendaklah berfikiran 'di luar kotak'. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang dipertanggungjawabkan menyelaras, memantau dan menyelia pelaksanaan GTP, masih banyak lagi usaha penting harus dilakukan, demi masa depan rakyat dan negara.

**BERITA HARIAN**  
online

Rabu, 30 Mac, 2011

### **Momentum pencapaian GTP diteruskan**

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memastikan momentum pencapaian memberangsangkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada tahun pertama pelaksanaannya akan diteruskan dalam merealisasikan sasaran menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, berkata semua pihak tidak harus leka dengan kejayaan dalam tempoh singkat ini kerana masih banyak perlu dilakukan untuk menjayakan program GTP berkenaan. Sambil memuji usaha keras kakitangan kerajaan, beliau berkata kejayaan program transformasi itu memerlukan sokongan bukan saja sektor awam malah semua pihak. "Dalam tempoh setahun ini, GTP melakar banyak kejayaan pertama yang belum pernah diraih sebelumnya terutama dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat. "Bagi meneruskan kejayaan ini, kita memerlukan komitmen dan sokongan semua pihak, bukan saja kakitangan kerajaan semata-mata. Kita mempunyai keupayaan menjayakan program ini," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, semalam. Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika membentangkan laporan tahun pertama GTP, memberi jaminan bahawa rakyat sebagai pemegang saham terpenting GTP akan terus mendapat manfaat hasil pencapaian memberangsangkan tahun pertama pelaksanaan enam inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pelancaran buku laporan 268 muka surat hasil pencapaian tahun pertama GTP dilakukan selepas pelancaran program berkenaan secara rasmi pada 28 Januari 2010.

Idris, yang juga Ketua Eksekutif Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU), berkata berdasarkan pencapaian program itu juga, PEMANDU akan memastikan segala kelemahan yang wujud akan diperbaiki dan memastikan sasaran dalam GTP terlaksana. Katanya, laporan prestasi keseluruhan GTP termasuk tumpuan enam NKRA disiarkan untuk tatapan umum nyata menunjukkan kerajaan sangat telus melaksanakan program berkenaan.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 30 Mac, 2011

### Pembangunan kawasan teknologi hijau diutama

MELAKA: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) akan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai, terutama dalam usaha kerajaan negeri merealisasikan negeri ini sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau. Yang Dipertuanya, Sapiyah Harun, berkata pihaknya akan memberi perhatian terhadap kerja pembangunan ke arah kawasan teknologi hijau, khususnya di tapak milik pihak berkuasa tempatan (PBT) seluas 320 hektar di Gapam, Ayer Keroh dekat sini. Beliau berkata, usaha dan misi yang disasarkan itu amat bertepatan, selaras usaha kerajaan negeri yang mahu mencapai pengiktirafan negeri bertechnologi hijau di negara ini. "Sebagai pelaksana, kita akan memastikan setiap projek dirancang berjalan dengan baik dan siap sepenuhnya mengikut jadual," katanya pada majlis Malam Mesra MPHTJ bersama Media di sebuah hotel di bandar raya dekat sini, malam kelmarin.

Program yang julung kali diadakan itu bertujuan merapatkan silaturahim di antara kedua-dua pihak, di samping sebagai menghargai jasa pihak media cetak dan elektronik yang banyak memberi publisiti mengenai kegiatan MPHTJ. Turut diadakan, pertandingan karaoke membabitkan 10 peserta dari kalangan warga kerja MPHTJ dan petugas media. Hadir sama, Setiausaha MPHTJ, Saiful Hawza Kipli; Yang Dipertua Kelab Media Massa Melaka (KEMM), Mohamad Raffi Bachik dan Setiausaha Persatuan Wartawan Melaka (MJA), Teh Bon Tong. Sapiyah berkata, tetamu yang hadir pada majlis yang bertemakan teknologi hijau itu turut diberikan cenderamata bunga orkid, manakala pemenang karaoke pula membawa pulang hadiah makanan dan buah-buahan tempatan seperti pisang, ubi kayu, limau bali dan tebu. "Pemberian hadiah ini antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran peserta termasuk orang ramai mengenai betapa pentingnya MPHTJ bersama masyarakat berusaha menjaga kehijauan alam," katanya. Pada pertandingan karaoke berkenaan, johan dimenangi Hanafiah Hamzah dari TV3, manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi Nashairi Mohd Nawi (Berita Harian) dan Ariffin Salleh (Harian Metro).

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 30 Mac, 2011

### 'Kos pilihan raya kecil bukan isu'

KERAJAAN tidak bercadang mengkaji undang-undang berkaitan keperluan mengadakan pilihan raya kecil meskipun terpaksa menampung kos lebih RM11 juta bagi membiayai 16 pilihan raya sejak Pilihan Raya Umum ke-12 pada 2008. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata pilihan raya kecil sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya Kecil 1958. "Setiap keputusan pilihan raya kecil yang diadakan adalah muktamad dan perbelanjaan digunakan dianggap sah.

"Memang sukar untuk kita melakukan penjimatan dan soal jimat tidak berbangkit kerana yang penting adalah memastikan perjalanan pengundian lancar dan keselamatan terpelihara," katanya ketika menjawab solat Datuk Md Sirat Abu (BN-Bukit Katil) mengenai kos dibelanjakan pilihan raya kecil sejak pilihan raya umum ke-12. Mohamed Nazri berkata, pilihan raya kecil Parliment Batu Sapi mencatat perbelanjaan tertinggi sebanyak RM1.29 juta, manakala paling rendah Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Selambau sebanyak RM318,000. Kos pilihan raya kecil Parliment Permatang Pauh sebanyak RM409,000, Kuala Terengganu (RM325,416), Bukit Gantang (RM460,971), Hulu Selangor (RM1.2 juta), Sibu (RM1 juta), manakala DUN Batang Ai (RM391,700), Penanti (RM514,600), Manik Urai (RM548,003), Permatang Pasir (RM461,367), Bagan Pinang (RM449,485), Galas (RM1 juta), Tenang (RM1.1 juta), Merlimau (RM755,000) dan Kerdau (RM915,000).

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 30 Mac, 2011

### Lagi EPP diumum minggu depan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengumumkan lebih banyak lagi projek permulaan (EPP) dan inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) minggu depan yang bakal merancakkan lagi kegiatan ekonomi negara. Ia adalah tambahan kepada empat pengumuman sejak 25 Oktober tahun lalu membabitkan 60 EPP dengan pelaburan keseluruhan bernilai RM95.35 bilion yang dianggarkan menyumbang sehingga RM137.2 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia menjelang 2020 dan mampu mewujudkan sehingga 224,000 pekerjaan baru. Di bawah ETP, kerajaan menumpu kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang mampu menyokong sasaran menjadikan negara ini sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. NKEA terbabit adalah dalam sektor minyak, gas dan tenaga; sawit; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan perniagaan; elektronik dan elektrik; pemborong dan peruncit; penjagaan kesihatan; infrastruktur dan isi kandungan komunikasi; pertanian serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang.

Difahamkan, antara EPP yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri minggu depan itu membabitkan projek dalam sektor minyak, gas dan tenaga, serta pembangunan Greater KL dan Lembah Klang. Kemungkinannya, ia termasuk pembangunan projek Rel Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura yang dikenal pasti sebagai pemangkin berpotensi untuk meningkatkan perjalanan antara kedua-dua bandar raya itu. Projek Rel Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura itu adalah antara projek yang sudah dikenal pasti di bawah NKEA pembangunan Greater KL dan Lembah Klang. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam kenyataannya sebelum ini berkata kajian daya maju projek itu yang dilaksanakan bersama oleh pihaknya dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan PEMANDU dijangka disiapkan Jun ini. Rancangan pembangunan projek berimpak tinggi itu adalah sebahagian pelan jangka panjang bagi meningkatkan kegiatan ekonomi antara kedua-dua negara menerusi rel kelajuan tinggi menghubungkan Pulau Pinang-Kuala Lumpur-Singapura.

**Kos selenggara kapal RM50j**

DEWAN Rakyat semalam diberitahu bahawa anggaran kos penyelenggaraan dua kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) jenis Scorpene, KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Abdul Razak adalah RM50 juta setahun. Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad (kanan), berkata kontrak penyelenggaraan kedua-dua aset strategik negara itu dianugerah dan dilaksanakan oleh syarikat usaha sama tempatan dengan pembuat Scorpene iaitu Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd. "Kontrak antara kerajaan dengan syarikat itu adalah selama enam tahun. Penyelenggaraan bagi setiap kapal selam bernilai RM25 juta setahun. "Dalam perjanjian ada menyatakan kita sebagai pengguna aset boleh menggunakan bila-bila masa. "Kalau ia tidak dapat memenuhi hasrat TLDM, kita boleh denda (syarikat itu) mengikut perjanjian," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas).

Dr Latiff berkata, masalah teknikal yang dihadapi KD Tunku Abdul Rahman sudah diatasi dan ujian selaman berjaya dilaksanakan pada 27 Februari lalu. "Masalah teknikal yang dihadapi kapal selam adalah masalah biasa yang boleh dialami mana-mana kapal selam di dunia. Masalah itu sudah diatasi dan kini kedua-dua kapal berkenaan dapat beroperasi seperti biasa," katanya. Beliau berkata, kejayaan paling dibanggakan anak kapal selam TLDM adalah kemampuan melepaskan torpedo tepat ke sasaran dalam latihan selaman yang diadakan tahun lalu. "Kalau ada masalah dalam hal penyelaman, mustahil dapat tembak tepat. Ini kejayaan yang tinggi, tapi pembangkang masih mendakwa kapal selam kita ada masalah," katanya.

**Kerajaan beri subsidi gula RM788j**

SEBANYAK RM788 juta diperuntukkan kerajaan bagi menanggung subsidi 1.26 juta tan gula sepanjang 2010. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Tan Lian Hoe, berkata kerajaan masih menanggung subsidi gula sebanyak RM0.40 bagi setiap sekilogram, meskipun harga gula dinaikkan daripada RM1.40 kepada RM2.10. Katanya, kenaikan harga gula berpunca daripada kenaikan harga bahan mentah di pasaran dunia disebabkan pelbagai faktor seperti bencana alam dan keengganinan negara pengeluar mengeksport hasil mereka. "Namun, disebabkan harga gula tempatan lebih rendah daripada negara lain, kita turut berdepan masalah lain iaitu penyeludupan. "Kita juga berdepan aktiviti pihak tidak bertanggungjawab yang mengaut keuntungan daripada perbezaan harga itu," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011, bagi kementerian itu di Dewan Rakyat semalam.